Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

16HB DISEMBER, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## Pentadbiran di-susun:

# EKSPEKTASI ORANG RAMAI

ORANG RAMAI terutama raayat negeri ini tentu menyambut baik hasrat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan supaya pentadbiran Kerajaan di-susun dan di-ator dengan penggunaan pegawai2 yang berkelulusan dan berkelayakan dalam jawatan2 yang sewajar-nya. Tujuan penyusunan itu, sa-bagaimana yang Baginda jelaskan, ia-lah semata2 bagi kepentingan negara dan raayat serta segala isi di-dalam-nya.

Sambutan orang ramai itu di-perchayai serentak dengan meningkat-nya ekspektasi mereka dalam mana Kerajaan semakin terlibat dalam meranchang dan melaksanakan berbagai2 projek kemajuan dan perkembangan. Pada umom-nya mereka menjangka dan mengharap supaya jentera Kerajaan akan lebeh berkesan dengan penggunaan pegawai2 yang berkelulusan dan berkelayakan itu. Bagi mereka, perkhidmatan yang berkesan itu — sekurang2-nya — ia-lah dalam maana memberikan khidmat yang chekap dengan bersunggoh2 serta perasaan muhibbah.

Dalam pada itu, sungguh pun memang wajar orang ramai menaroh harapan dan ekspektasi terhadap perkembangan dalam Kerajaan, namun mereka hendak-nya sentiasa menimbangkan bahawa negeri kita ini, sa-bagaimana yang juga telah di-tegaskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, ada-lah menghadapi kekurangan tenaga manusia yang berkemahiran untok 'mengerjakan' sa-suatu yang berkehendakkan kemahiran. Sebab itu kedudokan kita yang mempunyai kemampuan dari segi kewangan untok meranchang dan melaksanakan apa2 jua ranchangan yang di-fikirkan bermunafaat kapada raayat dan pendudok belum-lah chukop untok membolehkan kita menchapai semua yang kita hajati. Sebab itu-lah raayat dan pendudok negeri ini patut sentiasa bersabar dan malah patut bertimbang rasa. Kekurangan2 kita dari segi tenaga mahir itu telah semakin ketara pada perengkat sekarang. Sebab itu-lah juga Kerajaan telah mengambil langkah yang bijak dengan meranchang dan melaksanakan sa-suatu berdasarkan perioriti-nya. Maka penggunaan tenaga pegawai2 yang berkelulusan dan berkelayakan dalam jawatan2 yang sewajar-nya itu di-perchayai akan juga lebeh mengesankan lagi penchapaian dalam perkara2 perioriti itu.

Bagi orang ramai, dalam mereka menjunjong titah Kebawah DYMM supaya bersabar, ekspektasi mereka sa-benar-nya semakin meningkat dengan jaminan Baginda untok memberikan perhatian yang berat terhadap pelaksanaan sa-suatu yang Baginda fikirkan berkebajikan kapada raayat. Maka dari segi ini kita perchaya mana2 pegawai yang telah dan akan terlibat dalam sebarang penyusunan pentadbiran itu akan lebeh bekerja keras memenohi hasrat di-sebalek penyusunan tersebut.

## KEBERSEHAN ITU IMAN

KEBERSEHAN alam sekitar biasa di-kaitkan dengan kesihatan tuboh badan. Maka usaha mengawal kesihatan itu selalu pula di-kaitkan dengan kawalan ka-atas penchemaran alam sekitar. Lalu orang pun sering membangkitkan: setakat mana kita telah mengadakan kawalan tersebut.

Tapi sepatut-nya persoalan yang di-bangkitkan bukan setakat mengadakan kawalan tetapi juga meliputi sa-jauh mana kita sudah berkebiasaan dengan suasana dan amalan2 berkebersehan. Sebab tentu akan kurang kesan-nya sebarang langkah kawalan jika amalan dan kebiasaan berkebersehan belum lagi meluas. Maka untok meluaskan-nya itu-lah antara-nya kita menganjorkan kempen2 melalui Minggu Kesihatan sa-tiap tahun. Dalam hubongan itu ada baik-nya jika orang ramai mengingat bahawa amalan berkebersehan itu ia-lah sa-bahagian daripada iman. Setakat mana kita telah mengawal 'iman yang sa-bahagian' itu ada kaitan-nya dengan sa-jauh mana kita telah beramal dengan-nya.

## Untok membentok perkembangan mental, fizikal dan potensi individu:

# GURU2 DI-KEHENDAKI PENOHI HARAPAN MURID2, IBU-BAPA DAN MASHARAKAT

**BERIKUT ia-lah uchapan Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah DYMM, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa bin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim di-Upachara Sambutan Jubli Perak, Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, yang berlangsong di-dewan maktab tersebut pada hari Sabtu 12hb Disember, 1981.**



**YANG Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah DYMM, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg Haji Isa ketika beruchap di-majlis tersebut.**

BERSEMPENA ulang tahun kedua puloh lima tertuboh-nya Maktab ini, saya ingin menguchapkan tahniah kapada pehak-pehak yang berkenaan atas usaha2 yang gigih pada memaju dan mengembangkan Maktab ini dari perengkat 'infancy'-nya dua sa-tengah dekad yang lalu kapada bentok-nya yang dapat di-bangga-kan pada masa ini. Ini termasok-lah juga usaha pada meninggikan taraf akademik pensharah2 dan menambahkan lagi bilangan pensharah2 tempatan yang berkelulusan dan berpengalaman, menilai kelayakan2 masok dan kesesuaian penuntut2, serta menyusun dan menyesuaikan karikulum Maktab, selaras dengan perkembangan masa semata2 pada menjaga mutu baik Maktab ini. Dengan usaha yang bersunggoh2 itu juga Maktab ini telah dapat memboktikan kesanggupan-nya pada melahirkan guru2 yang berkelayakan bagi mengajar di-sekolah2 rendah dan menengah bawah, sunggoh pun bilangan mereka maseh belum menchukupi lagi. Usaha sedemikian telah dapat mengurangkan pergantongan Negeri Brunei kapada guru2 dari luar negeri. Usaha yang gigih ini ada-lah melambangkan semangat dan rasa tanggong-jawab semua pehak yang berkenaan bagi memajukan lagi pelajaran di-Negeri Brunei, dan ini sangat di-hargai. Tidak-lah dapat di-nafikan yang Negeri Brunei maseh lagi memerlukan guru2 dari luar negeri terutama di-perengkat persekolahan menengah atas. Sumbangan guru2 dari luar negeri dalam membantu kemajuan pelajaran di-negeri ini tidak-lah pula dapat di-lupakan, malah, sa-bilangan besar dari kita di-dewan ini, termasok saya sendiri pernah menerima pendidekan dari mereka.

Dalam melangkah kausia dua puloh lima tahun, ada-lah perlu bagi maktab ini mengukur kembali akan usaha2 dan ranchangan-ranchangan yang telah di-chapai dan yang belum dapat di-chapai lagi. Bagi yang belum lagi dapat di-laksanakan ada-lah penting untok menganalisa perkara2 yang mungkin membantutkan pelancharan ranchangan2 tersebut. Dengan kedewasaan maktab ini berserta dengan tenaga pengajar-nya yang berkelulusan dan berpengalaman, dan dengan kemudahan2 yang di-sediakan, maka melalui majlis ini ingin pula saya mengusulkan sa-bagai bahan pemikiran pehak bertanggong-jawab di-maktab ini, supaya maktab ini dapat pula melangkah bagi melengkapkan diri dengan tradisi sa-buah institusi pendidekan untok melipatgandakan kegiatan ka-arah bidang penyelidekan dan perkembangan (research and development) serta menjadikan maktab ini sa-bagai 'nucleus' dalam usaha2 perubahan yang munafaat di-bidang pendidekan.

### KEPENTINGAN

Saya tidak akan menyentoh mengenai kepentingan penyelidekan dan perkembangan yang mana sedang pun chegu2 usahakan kerana tentu-lah chegu2 di-maktab ini lebeh memaklomi-nya. Akan tetapi apa yang saya perhatikan, masaalah2 yang di-hadapi dalam bidang pelajaran dan pendidekan mempunyai berbagai bentok dan sifat-nya. Ada di-antara-nya dapat di-selesaikan dengan mudah, berlandaskan kapada pengalaman dan pandangan mata kasar saja, sementara yang lain-nya di-sebabkan complex-nya masaalah itu, menghendaki pengkajian yang saintifik dan empirical. Dengan pengkajian sedemikian, saya rasa maktab ini akan dapat memainkan peranan-nya pada menyumbangkan khidmat-nya bagi kemajuan pelajaran di-negeri ini. Dalam pada itu harus juga berhati-hati supaya sa-suatu penyelidekan hendak-lah di-hasratkan bagi menghasilkan chadangan2 yang boleh di-laksanakan, yakni yang realistik dan praktikal.

Kapada guru2 yang akan di-tauliahkan sa-bagai guru2 yang berkelayakan pagi ini, saya ingin menguchapkan tahniah atas kejayaan tuan2 dan puan2. Saya yakin bahawa pemilehan tuan2 dan puan2 untok menjadi guru ini ada-lah semata2 di-dorong oleh kechenderongan kapada profession yang mulia ini dan tidak sama sekali di-pengarohi oleh tarikan2 gaji-nya, kedudokan-nya mau pun gambaran2 fizikal-nya. Sa-bagai sa-orang ahli dalam profession ini, ada-lah menjadi tanggong-jawab tuan2 dan puan2 untok memelihara dan mematohi pula ethics atau peratoran2 profession ini.

### TIGA HARAPAN

Saya suka menegaskan bahawa tugas yang di-pikulkan kapada tuan2 dan puan2 ada-lah berat kerana tuan2 dan puan2 tidak saja di-harapkan untok memberikan pengetahuan dan kemahiran2 atau menyampaikan 'book knowledge' saja, akan tetapi juga membentok sa-orang individu menurut perkembangan mental, fizikal dan potensi-nya berdasarkan alam keliling-nya. Sa-chara rengkas-nya guru2 di-kehendaki untok sa-kurang2-nya memenohi tiga expectations atau harapan, ia-itu harapan dari murid2 untok menjadi pandai, harapan dari ibu bapa dan masharakat yang mahukan anak2 mereka berpengetahuan, lulus dalam pepereksaan2 di-samping mempunyai pendidekan yang sempurna. Sementara itu harapan ketiga ia-lah harapan Kerajaan yang menghendaki guru2 supaya melahirkan raayat yang terpelajar lagi terdidek pada memenohi kehendak2 dan aspirasi negara.

Ada-lah di-sedari bahawa, tentu-lah sa-bagai manusia biasa guru2 menghadapi kesulitan dalam usaha untok memenohi ketiga2 harapan ini. Akan tetapi di-dalam menjalankan kewajipan tuan2 dan puan2, apa yang penting ia-lah bagi menjaga supaya tidak terdapat perchanggahan di-antara apa yang guru2 anggap sa-bagai peranan guru2 (perceived roles) dengan apa yang di-harapkan oleh ketiga2 gulongan yang saya sebutkan tadi. Kerana jika terdapat perchanggahan maka kesan buruk-nya bukan saja menjejaskan profession guru itu, tetapi juga akan di-tanggong oleh murid2 yang akan mewarisi kita di-masa hadapan. Walau macham mana pun, saya mempunyai sepenoh keyakinan bahawa Maktab yang sudah established ini, yang dikendalikan pada keselurohan-nya oleh anak2 tempatan tidak akan mensia2kan harapan raayat dan kerajaan bagi melahirkan guru2 yang bertanggong-jawab, berdedikasi serta mempunyai qualiti peribadi yang tinggi.

Mengenai dengan harapan kerajaan, maka saya suka mengulangi uchapan saya kapada guru2, khusus-nya pensharah2 dan penuntut2 yang bakal menjadi guru di-majlis Perasmian Expo Maktab ini pada bulan Disember 1979 dahulu, bahawa Negeri Brunei, yang akan melangkah dan memasoki ka-satu zaman yang penoh dengan chabaran tidak berapa lama lagi, ada-lah menaroh harapan yang besar kapada tuan2 dan puan2, kerana kejayaan Negeri Brunei menghadapi chabaran2 itu nanti, ada-lah sa-bahagian-nya tergantong kapada chara2 kita mendidek anak2 kita di-negeri ini supaya mereka akan menjadi raayat yang terpelajar lagi bertanggong-jawab, raayat yang berdisiplin lagi taat setia kapada Sultan dan Negeri dan raayat yang ingin hidup dalam suasana yang makmor dan tenteram.

### DI-BANGGAKAN

Kita di-negeri ini seharus-nya bershukor kerana pada masa ini telah mempunyai lebeh 400 orang anak tempatan yang berkelulusan di-perengkat ijazah dalam berbagai bidang yang mana hampir keselurohan-nya sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan. Bilangan ini dengan izin Allah akan bertambah. Jika jumlah ini di-bandingkan dengan jumlah keramaian pendudok Negeri Brunei, maka kita mempunyai nisbah graduate dengan pendudok yang kechil yang mana sekali lagi dapat di-banggakan. Kemajuan ini telah dapat di-chapai dengan kemurahan hati Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan pada memberikan pelajaran perchuma dari perengkat rendah hingga ka-perengkat universiti kapada raayat yang berkelayakan dan berkebolehan. Ini ada-lah sa-bahagian-nya juga di-asaskan atas keperchayaan bahawa asset yang paling berharga dan utama bagi sa-sebuah negeri bukan saja kekayaan sumber2 asli-nya, tetapi juga tenaga manusia yang berpengetahuan tinggi. Dengan tahap perkembangan yang sedang kita nikmati ini, saya yakin bahawa lebeh ramai lagi tenaga manusia yang berpengalaman dan berkemahiran dalam berbagai lapangan akan dapat di-lahirkan oleh negeri ini. Dari itu tidak-lah pula mustahil bahawa pada suatu masa nanti, Negeri Brunei akan mampu pula mengeluarkan tenaga berkemahiran bukan saja untok memenohi kehendak2 di-negeri ini, tetapi juga untok negara2 di-rantau ini terutama negara2 jiran tetangga kita dalam gugusan pulau2 Melayu. Jika di-takdirkan berlaku sedemikian rupa, maka kita di-Brunei mungkin tidak akan menganggap keadaan itu sebagai 'brain drain', malahan sebalek-nya kita harus melihat-nya sebagai 'brain export' yang akan melambangkan nama baik Negeri kita Brunei Darussalam di-rantau ini, insha Allah.

# AJARAN SESAT

## Bahagian VI

### Helah mengajak orang kapada faham Batiniyah

**YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........**



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

## Siri ke-109

MENURUT AD-DAILAMI — (Pengarang kitab Qawa'ed Aaq'ed Ali Muhammad) bahawa tujuan puak Batiniyah mengajak orang kapada mazhab mereka ia-lah supaya orang2 Islam keluar dari ugama Islam dengan chara beransor2. Tetapi mereka tidak menyatakan tujuan tersebut dengan berterang2 — terutama di-dalam negeri2 Islam. Lalu mereka membuat berbagai2 helah untok sampai kapada tujuan tersebut ia-itu dengan menggunakan sembilan chara helah ia-itu satu demi satu.

### HELAH PERTAMA

PUAK Batiniyah mengatakan bahawa sayugia-lah bagi pendakwah2 itu orang yang cherdek, baik jangkanya. Ini boleh di-chapai dengan tiga perkara.

1 — Hendak-lah ia tahu membedzakan di-antara orang yang di-harap dapat menerima apa2 yang di-dengarkan kapada-nya dengan orang2 yang menolak dan enggan menerima-nya. Mungkin sa-seorang itu tiada dapat di-luchutkan apa jua iktikad hati-nya, dari itu jangan-lah membuang masa memujok-nya dengan sia2.

2 — Hendak-lah ia baik jangkaan-nya, cherdek pada menukarkan zahir kapada bathin samada dengan menggunakan pechahan2 perkataan dan bilangan angka serta perbandingan2 yang sesuai, sahingga jika orang (yang di-dakwah) itu tidak mahu mendustakan Al-Kor'an dan hadith maka hendak-lah di-tarek-nya orang itu sa-boleh2-nya pada mendustakan kedua2-nya atau sedekat2-nya dengan menggunakan perkataan2 yang mengelirukan.

3 — Jangan di-ajak tiap2 orang dengan chara yang sama bahkan hendak-lah dia siasat terlebeh dahulu keadaan dan kechenderongan orang itu. Jika orang itu sukakan dunia maka di-katakan-lah kapada-nya bahawa beribadat itu suatu perkara yang bodoh; zuhul dan wara' itu perbuatan kurang akal; menjalankan ibadat itu sasuatu yang sia2 dan lebeh baik bagi orang yang berakal itu menghabiskan umor-nya dengan membuat apa2 yang ia suka dalam dunia ini sa-belum habis umor-nya.

Jika orang itu kuat berugama maka bawa-lah orang itu pada tujuan-nya menurut mazhab yang di-anut-nya. Jika ia dari puak Shi'ah maka zahirkan-lah kapada-nya kemuliaan, ketinggian dan kehormatan Ahlul Bait Rasulullah (Kerabat Rasulullah s.a.w.) dan zahirkan-lah kesedehan yang imam2 mereka (Shi'ah) telah kena zalimi.

Begitu-lah di-lakukan kapada masing2 orang samada orang Islam atau Yahudi dan Nasrani kerana mazhab Batiniyah di-ambil dari bahagian2 bid'ah dan kufur supaya semua puak senang di-ajak kapadanya.

### HELAH KEDUA

PUAK Batiniyah mengatakan bahawa hendak-lah pendakwah mendzahirkan kapada orang yang di-dakwah-nya — dengan kata2 dan kelakuan-nya — yang boleh menarek kapada dakwah-nya dari pehak2 yang di-sebutkan tadi. Kemudian di-zahirkan kapada-nya berbagai2 pengetahuan, ayat2 Al-Kor'an dan hadith2 serta kata2 yang sedap di-dengar.

### HELAH KETIGA

PUAK Batiniyah menjalankan helah dengan chara mendatangkan atau memasokkan keraguan dan shak dalam hati sa-seorang terhadap keperchayaannya, ia-itu sa-chara menyoal-nya dengan menggunakan kata2 Shara' dan ayat2 Al-Kor'an serta hadith2 yang tiada jelas tujuan-nya. Mithal-nya di-tanyakan :

- ★ Mengapa di-suroh mandi dengan sebab keluar mani.
- ★ Mengapa di-suroh berwudhu' dari kenching dan berak — pada hal kenching dan berak itu lebeh keras najis-nya dari mani ?
- ★ Mengapa di-suroh peremupuan menghadha'kan puasa tetapi tidak menghadha'kan sembahyang pada hal kedua2-nya wajib ?
- ★ Mengapa di-suroh jauhkan pandangan dari perempuan yang merdeheka tetapi tidak dari perempuan hamba ?
- ★ Mengapa Shurga ada lapan pintu dan neraka chuma tujoh pintu saja?

Dan begitu-lah juga dari hal ibadat haji saperti melontar jumrah, ihram, tawaf dan lain2 — mengapa di-muliakan perkara2 itu ?

Dengan mengadakan soalan2 itu mereka bertujuan memasokkan shak dan ragu di-hati sa-seorang terhadap keperchayaan-nya dan dengan itu mudah-lah orang itu di-tarek mengikut mereka.

(Bersambong)

*WALLAHU A'ALAM.*

# Penuntut2 balek berchuti



SA-BAHAGIAN dari penuntut2 Brunei yang balek berchuti baru2 ini.

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 33 orang penuntut2 ugama yang menuntut di-Sekolah Arab Al-Juned Al-Islamiah, Republik Singapura sedang berchuti di-tanah ayer. Mereka pulang ka-tanah ayer dengan dua penerbangan baru2 ini. Penuntut2 itu terdiri dari penuntut2 perengkat rendah sahingga-lah perengkat tahun akhir yang mendudoki pepereksaan Singapura Cambridge.

Di-samping itu, pada masa ini terdapat 12 orang penuntut Brunei di-Universiti Al-Azhar di-Mesir. Baru2 ini dua orang penuntut dari universiti tersebut telah berjaya memperolehi ijazah sarjana muda dan kini sedang bertugas di-Sekolah Arab di-sini.

Kesemua penuntut2 tersebut mendapat biasiswa dari Kerajaan Kebawah DYMM melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

# *Hari terbuka IQRA*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pembacha2 Kor'an Islam (IQRA) pada hari Ahad, 20hb Disember ini akan mengadakan berbagai2 achara keugamaan sempena hari terbuka-nya. Majlis tersebut akan di-mulakan pada jam 2.00 petang bertempat di-Sekolah Persediaan Inggeris Mabohai.

Di-samping mengadakan berbagai2 peraduan untok ahli2 persatuan itu, satu sharahan khas juga akan di-sampaikan oleh sa-orang pegawai ugama kanan, Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Oleh kerana itu, Setiausaha persatuan tersebut, Awang Metussin bin Haji Mohammad telah meminta orang ramai terutama ahli2 persatuan supaya akan dapat hadhir ka-majlis tersebut.

# PERGUNAKAN UMOR UTK BERBAKTI KAPADA ALLAH

MARI-lah sama2 kita meningkatkan rasa takwa kapada Allah dengan sa-benar2-nya dengan chara menguatkan iman, taat beribadat dan mengerjakan amal2 yang berkebajikan serta menjauhi larangan2 Tuhan.

Alhamdulillah kita hadhir bersembahyang Jumaat di-tempat ini di-pinjami umor yang agak panjang oleh Allah s.w.t. Baik kita di-perengkat remaja atau dewasa lebeh2 lagi kalau kita dalam perengkat tua. Atau dengan lain perkataan kita semua telah tidak di-matikan oleh Allah sawaktu kita maseh kechil lagi.




### UNTOK RENONGAN

Chuba kita renongkan apa yang kita lakukan terhadap umor kita itu. Dalam sa-hari sa-malam ada dua puloh empat jam lamanya. Lebeh kurang yang lapan jam kita gunakan untok rehat, tidor, baring2 sambil membacha majallah2 atau surat2 khabar, serta untok bersenda-gurau dengan keluarga atau kawan2 dan sa-bagainya. Untok bekerja menchari nafkah, kita gunakan rata2 lapan jam juga lamanya. Baki-nya ada lapan jam lagi. Sa-banyak lapan jam ini-lah yang dapat kita pergunakan untok melakukan ibadat dan ketaatan kapada Allah s.w.t. itu pun kalau kita pergunakan sa-penoh-nya. Tetapi kalau dalam waktu itu maseh kita potong lagi untok itu dan ini, untok mashuarat persatuan, atau untok menghadhiri jemputan2, atau untok membawa anak isteri bersiar2 dan membeli belah dan lain2 sa-bagai-nya, maka jumlah-nya pun berkurang lagi.

Jadi kerana itu amat-lah pendek waktu sebenar-nya bagi kita menumpukan masa untok beramal ibadat kapada Allah itu. Bagi orang2 yang sedar akan penting-nya umor yang ada pasti-lah kita akan sentiasa berjaga2 dan berwaspada untok mempergunakan waktu yang ada untok berbakti kapada Allah. Orang yang insaf pasti-lah dia tidak akan menyia2kan umor-nya kapada perkara2 yang sia2 dan tiada memberi faedah untok kehidupan dunia dan akhirat-nya.

### DI-PERLIHATKAN

Sheikh Abdullah Baalwi Al-Haldad pernah berkata: Akan di-perlihatkan kapada semua sa-tiap manusia di-alam akhirat nanti saat semua hari dan malam-nya dengan di-peragakan sa-bagai bentok almari. Sa-tiap hari dan malam terdapat dua puloh empat almari sesuai dengan jumlah hitongan hari dan malam itu. Manusia itu akan melihat sendiri sa-tiap jam yang oleh-nya jam itu di-pergunakan untok mengerjakan ketaatan kapada Allah, nampak-lah almari itu penoh chahaya, sedang sa-tiap jam yang ia pergunakan untok bermaksiat kapada Allah, nampak-lah gelap gelita.

Ada pun jam yang oleh-nya tidak di-pergunakan beramal untok ketaatan dan tidak pula untok kemaksiatan, nampak-lah almari itu kosong sama sekali (tiada gelap dan tiada terang). Jadi dalam almari itu tidak terdapat apa2. Di-kala melihat kekosongan almari-nya itulah ia merasa sangat menyesal, mengapa tidak di-gunakan oleh-nya untok mengerjakan ketaatan kapada Allah, supaya yang kosong itu berisi chahaya.

### AMAT GEMBIRA

Seterus-nya jikalau ia mendapatkan almari-nya sendiri berisi penoh, gelap gelita, maka sa-kira-nya boleh-lah di-putuskan ia dapat mati, neschaya ia akan mati ketika itu diwaktu ia melihat-nya, tetapi tiada kematian lagi di-alam akhirat. Oleh kerana itu, sa-seorang yang selalu mengerjakan ketaatan kapada Allah, sudah tentu menjadi amat gembira dan ingin sekali tetap menjadi manusia gembira, bahkan terus bertambah2-lah kegembiraan itu sa-panjang hari dan waktu. (Atau lebeh gembira lagi andaikata dapat menambahkan amal saleh). Sa-balek-nya manusia yang selalu mengerjakan maksiat kapada Allah, maka itu-lah manusia yang benar2 berdukachita serta bersedeh hati, bahkan perasaan dukachita dan sedeh itu makin lama makin bertambah tanpa ada pengabisan-nya sama sekali."

Daripada keterangan ulama' itu tadi mengetahui-lah kita bahawa orang yang mensia2kan umor dan waktu hidupnya itu akan menyesal dihari akhirat nanti. Kerana itu mari-lah kita sama2 menyedari akan erti umor yang di-pinjami Allah kapada kita. Hendak-lah kita ingat selalu bahawa waktu yang sudah berlaku tidak akan kembali lagi. Segala perbuatan kita yang lalu baik yang jahat mahu pun yang baik semua-nya tersimpan dalam buku chatetan peribadi kita, hanya amal2 yang saleh-lah yang akan dapat menolong kita di-akhirat di-samping rahmat daripada Allah. Marilah kita penohi hidup kita dengan berbakti dan bertakwa kapada Allah.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 16hb Disember, 1981 hingga kahari Selasa 22hb Disember, 1981 ada-lah saperti dibawah ini: —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 16hb Dis | 12.23 | 3.42 | 6.18 | 7.33 | 4.49 | 5.04 | 6.22 |
| 17hb Dis | 12.23 | 3.42 | 6.18 | 7.33 | 4.49 | 5.04 | 6.22 |
| 18hb Dis | 12.23 | 3.42 | 6.18 | 7.33 | 4.49 | 5.04 | 6.22 |
| 19hb Dis | 12.23 | 3.42 | 6.18 | 7.33 | 4.49 | 5.04 | 6.22 |
| 20hb Dis | 12.23 | 3.42 | 6.18 | 7.33 | 4.49 | 5.04 | 6.22 |
| 21hb Dis | 12.26 | 3.45 | 6.21 | 7.36 | 4.52 | 5.07 | 6.25 |
| 22hb Dis | 12.26 | 3.45 | 6.21 | 7.36 | 4.52 | 5.07 | 6.25 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

## Amal ibadat yang sempurna di-tentukan oleh niat

**Bingkisan minggu ini**

SATU peristewa mencheritakan bahawa ada saorang sahabat yang bernama Hatib telah menchintai sa-orang rupawan yang bergelar Ummi Qais. Sa-bagai kebiasaan orang yang berchinta, Hatib berusaha agar si-gadis itu dapat di-mileki-nya. Dia pun meminang Ummi Qais sawaktu mereka sama2 berada di-Mekah lagi, tetapi malang-nya gadis itu telah menolak pinangan-nya itu. Kemudian Ummi Qais berhijrah-lah bersama-sama orang2 Islam yang berhijrah ka-Madinah.

Apabila berita ini sampai ka-pengetahuan Hatib, dia berasa dukachita. Oleh sebab terlalu merindukan dan ingin memperisterikan Ummi Qais, lalu Hatib mengambil keputusan untok berhijrah mengikuti Ummi Qais ka-Madinah, dengan harapan agar dia dapat memikat dan memujok-nya sa-mula sawaktu di-Madinah nanti.

### PENGHIJRAHAN

Dengan ini ternyata penghijrahan Hatib ka-Madinah itu bukan-lah samata2 kerana tujuan asal berhijrah; ia-itu untok menyahut titah perintah Allah s.w.t. Tetapi disebalek itu ada maksud lain yang lebeh di-utamakan-nya; ia-itu moga2 ia dapat menukar keputusan Ummi Qais yang lalu, dan moga2 Ummi Qais akan menerima-nya kali ini, sebab hati-nya sangat sayang dan menchintai Ummi Qais.

Cherita penghijrahan Hatib sepenoh-nya telah di-sampaikan kapada pengetahuan Rasulullah s.a.w. Oleh kerana itu-lah, maka Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: *"Dan barang siapa hijrah-nya kerana dunia (sebab2 keduniaan) yang ia ingin memperolehi-nya atau pun kerana sa-seorang perempuan yang ia ingin menikahi-nya, maka hijrahnya itu ada-lah kapada apa yang ia berhijrah kapada-nya."*

Berpandukan hadith ini, dapat-lah kita mengatakan bahawa penghijrahan Hatib itu tidak mendapat pahala apa2 pun kerana tujuan utama ia berhijrah adalah sa-mata2 untok menawan hati gadis yang di-chintai-nya itu, sedangkan tujuan utama Nabi Muhammad s.a.w., dan pengikut2-nya berhijrah ada-lah untok kemuslihatan ugama agar terselamat dari fitnah kekufuran yang mengancham di-Negeri Mekah, yang mana samata2 menta'ati perintah Allah.

### PENGAJARAN

Bagi kita kaum Muslimin yang mengikuti cherita ini, jangan-lah menganggap chelaan ini hanya di-tujukan untok Hatib saorang saja. Tetapi disa-balek peristewa ini, ada pengajaran lain yang harus kita perhatikan supaya kita tidak menjadi saperti Hatib pula, sa-hingga chelaan itu menimpa kita bersama.

Dalam menjalani perintah ugama, jangan-lah hendak-nya kita menyaingi ibadat2 kita itu dengan hal2 keduniaan. Bersedekah misalan-nya; jangan-lah membangga diri dengan melihatkan kapada orang lain, yang kita-lah yang paling banyak menghulorkan derma. Kalau terjadi demikian, ini bererti kita telah memasokkan hal2 keduniaan dalam amalan ibadat kita.

Begitu juga dengan sembahyang. Kita mendirikan sembahyang, yang menjadi kewajipan kita di-waktu-waktu tertentu apabila kena 'lagau' sembahyang berjemaah. Sedangkan pada hakikat-nya kita lalai dan engkar melakukan kewajipan kita itu. Dan kita melakukan-nya pula bukan-lah kerana surohan ugama tetapi ada-lah kerana untok 'mengabui' mata orang lain. Bukankah ini menipu dan merugikan diri sendiri? Dan ingat-lah kewajipan itu tetap kewajipan dan bukannya hanya di-buat bila di-'lagau' saja.

Sama jua hal-nya dengan membuat sesuatu pekerjaan. Ia sa-patut-nya di-buat berteraskan kerana Allah, dan bukan-nya untok mendapat perhatian dan untok 'membanarbanar'kan diri. Kalau-lah kita berharapkan sesuatu, ini bererti kita tidak ikhlas dalam menjalankan sesuatu itu, dan bukan-lah ia di-buat kerana Allah tetapi sa-mata2 berharapkan 'sesuatu'.

Lain2 hal dalam perkara ini terlalu banyak, dan ini bergantong kapada niat masing2. Oleh yang demikian hendak-lah kita berhati-hati dalam hal ini, agar ibadat2 kita tidak dikongsikan dengan hal2 keduniaan, yang nyata sekali di-tegah oleh ugama Islam saperti Hadith Rasulullah s.a.w., tadi. Dan jika kedapatan yang kita melakukan sesuatu amalan itu dikongsikan dengan hal2 keduniaan, maka hendak-lah kita sementara awal mengorak langkah untok mengusai diri kita ka-arah yang lebeh baik dan sempurna.



## Memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang perempuan Dusun yang berasal dari Kampong Rambai, Daerah Tutong, Brunei, baru2 ini telah memelok Ugama Islam bertempat di-rumah Awang Tudin bin Awang Duraman di-Kampong Anggerek Desa Berakas, Brunei pada 5hb. Disember yang lalu.

Safiah bte Gengin berumor 26 tahun, kini di-kenali sabagai Dayang Noor Hassiah bte Abdullah. Beliau telah melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Serudin saorang Pegawai di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei (gambar kiri).



# Berkursus di-bidang juruteknik padi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai empat orang pegawai rendah dari Jabatan Pertanian pada masa ini sedang berada di-Filipina bagi melanjutkan pelajaran di-Central Luzon State University untok mendapatkan ijazah Sarjana Muda Sains (Padi) atas dermasiswa Sharikat Minyak Shell Brunei selama empat tahun.

Pegawai2 tersebut ia-lah Awang Affendi, Mak Yaw Khin, Awang Abd. Hamid, dan Awang Kuang Sitim, kesemua-nya ada-lah graduan lepasan Pusat Latehan Pertanian Sinaut yang mengambil kursus jurusan Juruteknik Padi 1979-1980 (gambar atas).

Sa-belum memulakan akademik persekolahan mereka di-Central Luzon State University, terdahulu dari itu mereka telah ditempatkan di-dua buah pusat penyelidekan padi bagi mengikuti latehan ia-itu di-Maligaya dan Pusat Latehan di-Nueva Ecija yang bertujuan untok mendapatkan pengalaman dan menambahkan ilmu pengetahuan mereka.

Di-antara lain yang mereka pelajari ia-lah teknik pengeluaran padi, pengeluaran biji beneh serta pengawalan mutu padi. Kesemua latehan tersebut melibatkan kerja2 praktikal di-makmal, teori dan kerja ladang yang telah berakhir pada 23hb. Oktober lepas.

Di-samping mengikuti latehan mereka juga berkesempatan di-bawa melawat-lawat ka-Institiut Penyelidekan Padi Antarabangsa (IRRI), Universiti Philipina, Dewan Ekonomi Industri Kebun Tanaman dan di-berbagai-bagai kawasan penanaman padi sa-chara bertiris.

## Pembenaan dermaga galangan ECO

SERIA. — Pembenaan ka-atas sa-buah dermaga galangan ECO kepunyaan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad sedang ranchak di-jalankan.

Dermaga tersebut dijangka siap pada bulan Mach tahun depan.

# Steshen alam sekitar




SERIA. — Jabatan Sukat Tanah dan Kajichuacha Sharikat Minyak Shell Brunei telah memasang dua buah steshen alam sekitar pada bulan Nobember lalu.

Steshen tersebut ia-lah sa-buah steshen otomatik kajichuacha yang telah dipasang di-sebelah timor penghujong kawasan ibu pejabat.

Sementara itu, sa-buah pangkalan juga telah dihubongkan dengan sistem radar chuacha kepunyaan kerajaan yang telah dipasangkan di-Pejabat Kaji Chuacha BSP di-Mumong.

Ada-lah di-fahamkan steshen otomatik tersebut ada-lah mengandongi penderia untok menyukat angin, suhu, tekanan udarakasa, ayer hujan dan pancharan suria.

### PERHUBONGAN

Dengan ini Pejabat Kaji Chuacha di-Mumong dan di-Pejabat XTD akan menerima data melalui perhubongan radio sa-tiap waktu. Dan data yang diterima itu akan di-gunakan untok ramalan kaji chuacha dan untok penganalisaan statistik sa-telah data tersebut di-muatkan kadalam komputar XTD.

Sa-bagaimana yang diketahui, sa-bahagian sistem radar chuacha tersebut telah di-pasang oleh Jabatan Penerbangan Awam di-Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang di-gunakan untok memberi laporan ka-atas pergerakan2 kapal terbang oleh ahli2 kaji chuacha yang bertugas.

Di-samping itu, pangkalan yang ada di-BSP dapat membantu ahli2 pakar kaji chuacha Jabatan XTD untok meramalkan bentok kabus yang terdapat di-sapanjang Barat Laut Borneo dan untok mengesan kelajuan chuacha.

Dengan ada-nya radar chuacha ini akan dapat membantu dan menambahkan lagi kemajuan BSP dalam bidang ramalan kaji chuacha untok di-luar pantai.



GAMBAR di-atas menunjokkan steshen otomatik kaji chuacha baru yang terletak di-Pusat Ibu Pejabat BSP.

# *Kursus menchegah kebakaran besar faedah-nya*

**Oleh : Ja'afar Ibrahim**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar berkata bahawa kursus menchegah kebakaran, kelolaan Pasokan Bomba bukan-lah bermakna yang pasokan tersebut menchari kesenangan buat merengankan tanggong-jawab dan tugas mereka dengan ada-nya orang ramai yang di-istilahkan sa-bagai 'ahli bomba pribet'.

Akan tetapi, kata-nya, sikap sa-demikian ini-lah yang patut menjadi chontoh bagi jabatan2 yang berkenaan buat memberikan raayat dan pendudok negeri ini dengan pengetahuan yang tertentu dan memberikan mereka kesempatan untok sama2 memegang tanggong-jawab terhadap kepentingan negara dan bangsa-nya.

Dato Paduka Haji Abdullah berkata demikian ketika beruchap sajurus sa-belum menyampaikan sijil tamat kursus menchegah kebakaran bagi pendudok2 Mukim Saba yang telah di-langsongkan di-Ibu Pejabat Balai Bomba di-sini pada hari Jumaat lepas.

"Semangat yang ditanamkan serupa ini sangat2 di-kehendaki kerana dalam tempoh dua tahun akan datang negara kita akan menchapai kemerdekaan yang berdaulat pada penghujong tahun 1983," ujar-nya.

### MENGISI KEMERDEKAAN

Menurut-nya lagi, untok mengisikan kemerdekaan itu ada-lah satu kewajipan kita sa-bagai raayat negeri ini untok sama2 bertanggong-jawab dan sedia menghulorkan tenaga bakti dalam menghadapi era tersebut supaya dengan itu kebahagiaan dan ketenteraman dapat kita nekmati dan pertahankan bersama.

Menyentoh tentang kursus sa-umpama itu, Pegawai Daerah itu seterusnya berkata, ia-nya mempunyai faedah yang besar yang munafaat-nya bukan sahaja bagi diri individu atau kepentingan persendirian malah juga untok kepentingan orang ramai.

"Awang2 yang dipileh menjalani kursus asas ini ada-lah sangat2 beruntong kerana hanya mereka yang bersifat tahu akan tanggong-jawab bermasharakat sahaja-lah yang mengerti dan sanggup memenohi kehendak orang ramai atau masharakat," ujar-nya.

Kerana jelas-nya lagi, mereka2 yang mengikuti kursus sa-demikian ada-lah gulongan sukarela yang akan tampil bukan sahaja sa-kadar untok membantu anggota Pasokan Bomba dalam hal menchegah kebakaran akan tetapi biar-lah jasa bakti semua itu di-gunakan sa-bagai penyelamat sama ada dalam bentok kechemasan atau suka duka khas-nya di-kampong2.

Terdahulu dari itu, Pemangku Pegawai Pasokan Bomba, Awang Haji Wahabi bin Haji Metussin dalam uchapan alu2-an-nya mengingatkan kapada peserta2 yang menamatkan kursus pada hari itu supaya jangan hanya mengingati chara2 penggunaan alat perkakas bomba tetapi yang penting ia-lah bagaimana menchegah dari terjadi-nya satu2 kebakaran.

"Kursus yang Awang2 telah ikuti itu tidak akan tamat begitu sahaja malah latehan akan di-jalankan samaada sa-bulan sekali atau pun tiga bulan sekali, dan saya berharap Awang2 akan mengikuti latehan2 ini supaya kursus yang Awang2 pelajari ini tidak akan hilang begitu sahaja," kata-nya.

Kursus menchegah kebakaran itu telah di-jalankan sa-banyak enam kali yang bermula dari bulan Oktober dan berakhir pada 21hb Nobember lepas. Di-mana peserta2 telah diberikan tunjok ajar chara memadamkan api kebakaran dalam kedua2 bentok ia-itu dari segi praktikal dan teori.



DATO Paduka Haji Abdullah menyampaikan sijil kapada salah sa-orang peserta kursus tersebut.

# PENYUSUAN IBU

PENYUSUAN ibu ada-lah chara pemberian makanan yang paling sesuai untok anak2 yang baru lahir. Terdapat banyak faedah bagi anak2 damit yang menerima susu ibu, antara-nya ia-nya akan merasa terlindong dan selamat, serta terhibor yang membuat emosi-nya lebeh stabil apabila dewasa. Mereka tidak mudah kena penyakit dalam perut saperti sembelit dan allerges.

Susu ibu merupakan penawar paling baik bagi anak damit yang sakit, kerana ia-nya mudah di-hadzam. Anak damit yang dilahirkan sa-belum chukop bulan juga akan bertambah segar jika di-beri susu ibu. Begitu juga faedah2 yang di-perolehi oleh si-ibu yang memberi-nya. Penyusuan asli penoh berzat ini ada-lah chara yang baik.

Bagi si-ibu, ini menjimatkan masa, mudah dan paling ekonomi. Membantu mengurangkan kehilangan darah, membentok tuboh badan yang sedia kala dan berbagai lagi yang menjadi kebaikan. Kegagalan dalam perchubaan untok menyusu ada-lah di-sebabkan oleh kurang-nya penerangan dan yang demikian timbul-lah kurang keperchayaan kapada diri sendiri yang mungkin menyebabkan ibu gelisah, dan membawa kapada gangguan pembekalan susu-nya.

Dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan Negeri Brunei dan sumbangan2 awam, RTB berupaya menyediakan sa-buah ranchangan mengenai Penyusuan Ibu. Ia-nya bukan hanya untok memperkenalkan penyusuan ibu terutama-nya kapada bakal2 ibu tetapi di-hasratkan sa-bagai penerangan umom kapada ibu2 sa-bagai chara yang asli dan tentang faedah2-nya untok anak damit dan si-ibu.

Ranchangan Penyusuan Ibu ini akan di-siarkan pada hari Jumaat 18hb Disember, 1981 jam 8.30 malam.



## Sandiwara Radio:

# 'MENYESAL' — oleh Jambol Tunjang

PENULIS Jambol Tunjang kali ini akan mengemukakan hasil karya-nya yang di-abadikan dalam skerip 'MENYESAL' yang akan kita ikuti dalam sandiwara radio minggu ini.

Kesah yang akan dapat kita ikuti saperti biasa sa-lama setengah jam ini, akan mengutarakan tentang fahaman segelintir masharakat Melayu yang maseh menaroh keperchayaan kapada orang asing untok menguruskan tanah kepunyaan mereka.

Barudin selaku tuan-punya tanah dalam cherita ini dengan tidak berfikir panjang lagi terus menyerahkan pengurusan tanah-nya seluas empat ekar itu pada Ah Song yang meranchangkan untok mendirikan bangunan atas nama-nya sendiri dan sa-buah rumah banglo untok kediaman Barudin sa-keluarga yang akan di-berikan dengan perchuma kapada-nya.

Kerana mendapat kemewahan yang melempah-ruah itu Barudin dan Jamilah isteri-nya saperti hilang perhitongan dan menerima saja bulat2 tawaran yang di-berikan oleh Ah Song, tawaran yang di-mulakan dari rumah membawa kapada sa-buah kereta yang chantek dan mahal harga-nya. Sa-hinggakan anak mereka Samri yang maseh menuntut di-luar negeri pun tidak di-beritahu, jauh sekali pun meminta pandangan-nya.

Hari berganti hari, masa berlalu, sampai-lah saat-nya Samri pulang ka-ayer. Pendek-kata suasana dan keadaan orang tua-nya sudah berubah dan sangat2 memeranjatkan-nya.

Sa-telah penerangan di-berikan pada Samri, satu pertelingkahan pun meletus di-antara ayah dan anak. Bagaimana pun Barudin maseh tetap dengan pendirian-nya akibat dari kemewahan yang di-hadiahkan oleh Ah Song itu. Pertengkaran berlarutan hingga Barudin sendiri sanggup menghalau anak-nya sendiri.

Tiba-lah ketika-nya kesusahan menimpa Barudin dan isteri-nya, sa-telah sekian lama mengechap kemewahan yang tidak tulin. Kawasan yang di-dirikan rumah 'pemberian' itu kini termasok dalam kawasan projek untok membena jalan raya yang memaksa mereka untok berpindah dari tempat itu. Mereka pun pergi untok meminta bantuan dari Ah Song yang sa-benar-nya bertanggong jawab terhadap keadaan mereka itu.

Apa-kah kesimpulan yang akan dapat kita dengar dari sandiwara kita minggu ini ? Akan berhasil-kah rayuan Barudin dan Jamilah untok meminta bantuan dari Ah Song ? Mungkin-kah kesusahan yang menimpa ini akan menimbulkan keinsafan dan akan mengeratkan lagi pertalian di-antara orang tua dan anak yang telah pun terpisah salama ini ? Semua soalan2 ini tidak akan tinggal soalan jika awda mengikuti sandiwara ini yang akan di-siarkan pada 20hb Disember 1981 jam 12.00 tengahari.

Terbitan sandiwara minggu ini akan di-selenggarakan oleh Zaini Mohd Yussof.

## Siaran Radio:

# SIMPANG SIUR RADIO KITA

SA-BUAH 'mini forum' mengenai radio. Bertempat di-belakang sa-buah rumah di-sudut dapor satu majlis perkahwin-an. Anggota2 penal terdiri dari Pak Mat Rabun menyandar di-pohon piasau. Mandor Kula dudok di-atas tunggul dan sa-orang lagi Donglah kritik dudok menchangkung. Hari itu dapor majlis kahwin rumah Pak Dabus menjadi sa-bagai 'Speakers Corner' di-London yang terkenal dengan kritik2 terhadap pehak berkuasa. Dan pada hari itu sudut dapor Majlis Kahwin itu membelasah radio.

Mula2 Pak Mat Rabun menghentam: "Radio kita ni tak ada identiti. Entah Keling entah China." "Eh, apa maksud kita tu?" Kata Mandur Kula dari atas tunggul mumut itu. "Tak-kan Mandur tak dengar." Kata Pak Mat Rabun. "Sa-belah pagi pakai Awang, Dayang. Sa-belah tengah hari pakai saudara saudari. Sa-belah petang gunakan tuan2 dan puan2. Malam nanti menggunakan anda. Pening kepala mendengar radio kita ni."

"Apa salah-nya. Bukan-kah semua-nya tu Bahasa Melayu juga." Kata Mandur Kula. "Kita ni bukan-kah kaya bahasa. Bahasa Melayu ini luas. Macham laut. Mahu sebut kelapa boleh, nyiur boleh, piasau pun boleh. Semalam, malam tadi, tadi malam, kelmarin, kemarin, kelamari. Itu tidak boleh di-jadikan alasan untok kritik radio," kata Mandur Kula pula.

Donglah kritik senyum2. Dia chuba menyerang dari segi yang lain pula. Donglah kritik terkenal pakar dalam hal kritik-mengkritik ini. Pada-nya tidak ada manusia yang betul, dan jika ada sa-orang manusia yang betul di-dunia ini itu-lah diri-nya sendiri Dia memang tidak pernah salah, kerana dia tidak pernah buat apa2, kechuali kritik. "Yang saya pening kepala mengikuti siaran radio ini satu sahaja. Sekejap pakai Assalamualaikum. Sabentar lagi pakai Salam Bahagia. Datang lagi sorang pakai selamat pagi, masok lagi sorang pakai salam manis. Hai . .. berapa punya salam . . . wallahualam."

Mandur Kula yang sikap-nya selalu mempertahankan dasar kerajaan itu menchelah: "Hidup, perangai dan tabiat kita ni sahari2 pun sama juga dengan salam2 radio tu. Bermacham2 sekejap kita pakai baju Melayu, sekejap pakai

KEPERLUAN kita pada mendapatkan bekalan beras di-negeri ini dalam memenohi kehendak2 permakanan harian kita bukan-lah merupakan sa-suatu yang menyulitkan, malah ia-nya tidak berkemungkinan akan menjadi satu issu yang boleh membangkitan apa2 kerumitan kapada kita, sekali pun bekalan ini boleh dikategorikan sa-bagai keperluan yang 'strategik' dengan fungsi-nya sa-bagai salah satu keperluan permakanan asas yang utama kapada kita semua. Kenapa bekalan beras begitu mudah kita perolehi untok tujuan2 demikian ? Ini tidak lain ada-lah di-sebabkan bahawa bekalan ini berada dalam kawalan kerajaan menerusi pentadbiran Jabatan Setor dan Perbekalan Negara, dan dari jabatan tersebut beras yang di-simpan telah dibekalkan kapada pekedai2 untok dijual kapada orang ramai.

Sa-bagai permakanan asas yang utama kapada semua, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerusi jabatan berkenaan mempunyai tanggong-jawab penoh dalam urusan impot-nya yang sa-lama ini di-lakukan dengan Negeri Thai sa-bagai pembekal utama. Dari fungsi-nya yang utama itu, dan saperti mana juga dengan sa-bahagian bahan2 permakanan yang lain yang di-kawal urusan2 impot-nya oleh pehak swasta, bekalan beras ini mudah sakali terjejas harga-nya kira-nya ia terbiar tanpa kawalan yang tertentu. Memang tidak di-sedari, sunggoh pun bekalan beras berada dalam kawalan kerajaan, namun kenaikan harga ka-atas-nya sudah berlaku sa-banyak dua kali dalam tempoh dua dekad yang lalu. Dalam pada itu pun kita tetap bershukor kerana kenaikan itu hanya meningkat $1.00 sejak tahun 60an yang sa-bahagian dari harga belian yang sa-patut-nya kita bayar ditanggongi di-bawah subsidi kerajaan, dan ada-lah di-sedari harga beras di-negeri kita jauh lebeh rendah dari yang di-jual dari negeri2 lain.

BAHAN MAKANAN

Dan berikutan dari suasana perusahaan dan pembekalan di-berbagai bahan makanan meruncing di-seluroh dunia — inflasi ka-atas barang2 terus menekan keperluan kita dimana kita juga tidak terkechuali dari menghadapinya. Dari keadaan demikian itu — bekalan beras yang sepatut-nya tidak terjejas untok di-beli dari pekedai2 di-negeri kita sedikit masa dulu telah menjadi heboh konon-nya harga beras akan di-naikkan. Keadaan ini membuka jalan kapada pekedai2 sahingga senghaja tidak mahu menjual dan mereka menyurokkan bekalan berkenaan. Tindakan pekedai-pekedai demikian itu "sa-bagai melu-kah di-pergentingan" senghaja di-lakukan sa-mata2 untok mengaut keuntongan yang lebeh dari harga barang yang sepatut-nya tidak harus mereka mimpikan. Tetapi kebijaksanaan kerajaan mengator strategi pembekalan bahan




PROJEK Padi Wasan yang di-ranchangkan sa-bagai sumber membekalkan beras tempatan terus melaksanakan peranan-nya dengan di-lengkapkan berbagai jentera pertanian moden. Gambar ini menampakkan kerja2 menuai hasil2 padi sedang di-jalankan oleh pekerja2 projek tersebut.

# BEKALAN BERAS

Oleh : Muhammad Salim

berkenaan menghampakan harapan pekedai2 itu tadi dalam mana beras yang di-hebohkan tidak ada dan harga-nya akan di-naikkan itu maseh menchukopi untok menampong keperluan kita di-negeri ini dalam satu jangka waktu yang di-tentukan.

Pengimpotan beras puteh dari Thai yang bermutu 100 peratus kelas B oleh Kerajaan Kebawah DYMM sa-jauh ini memberi harapan yang stabil kapada kita, memandangkan bekalan yang di-berikan dari pengekspot-nya terus meningkat menurut keperluan yang kita kehendaki.

KENAIKAN HARGA

Dari perangkaan yang di-perolehi dari jabatan berkenaan dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini saja, negara kita telah mendapat bekalan berkenaan pada tahun 1976 berjumlah 10,000 tan metrik, tahun 1977 dan 1978 masing-masing 15,000 tan, 1979 12,497 tan metrik dan 1980 149,919 metrik.

Ada-lah di-fahamkan pada penghujong tahun 1975 bekalan beras menghadapi kenaikan harga belian dari harga jualan, ini menyebabkan kerajaan menghadapi kerugian lebeh $700 ribu, dan jumlah kerugian yang di-tanggong itu di-anggap sa-bagai subsidi kerajaan dengan peruntokan-nya sa-jumlah $6 juta.

KEISTIMEWAAN

Walau pun negara kita menerima satu bentok keistimewaan impot bekalan berkenaan dari pembekalnya, namun ada-lah di-sedari sa-hingga mana negeri kita akan terus bergantong dan mengharapkan impot berkenaan bagi memenohi keperluan kita. Keupayaan kita untok membayar sa-tiap harga gantang beras, memang-lah belum merupakan beban yang perlu di-rasakan, demikian juga sa-tiap ringgit yang di-subsidi oleh Kerajaan kapada kita belum lagi sa-harus-nya memberatkan, jauh sekali di-pandang membazir.

Maka menyedari kedudokan-nya sa-bagai utama pada permakanan kita, istimewa pula negeri kita berkeadaan subor untok menghasilkan bahan berkenaan — pergantongan dan kemampuan kita ka-atas impot itu tidak-lah dapat di-harapkan sa-penoh-nya buat masa yang akan datang. Maka dari kebimbangan yang "perlu kita bimbangkan" itu usaha ka-arah menampong bekalan dari sumber2 tempatan mendapat perhatian kerajaan.

Untok langkah awal bagi menampung keluaran beras tempatan yang di-maksudkan itu Projek Padi Kerajaan yang berpusat di-Wasan telah mula di-laksanakan pada tahun 1978 di-bawah ranchangan bersama Jabatan Pertanian dan Kerja Raya. Sa-bagai ranchangan pertanian projek tersebut di-harapkan dapat di-ungkayahkan penanaman-nya sa-luas 1,000 ekar.

PROJEK PADI

Pada musim 1979/80 Projek Padi Wasan telah di-tanam dengan padi jenis Tampoi (jenis tempatan) sa-luas 320 ekar. 1980/81 di-tanam pula dengan padi jenis Pandak atau Di-subok dengan keluasan 430 ekar. Sa-hingga musim 1982/83 matalamat yang di-harapkan 1,000 ekar akan dapat di-laksanakan.

Menurut ranchangan sa-telah kerajaan Projek Padi Wasan di-chapai Jabatan Pertanian akan membuka lagi kawasan untok tanaman sa-luas 8,000 ekar bertempat di-Rambai.

Kata orang! — kalau asal beneh yang baik bila di-tabur ka-laut pun tentu akan menjadi pulau. Demikian-lah tidak di-sangkal ranchangan yang di-ungkayahkan itu, dari kawasan yang terbiar dan sunyi tetapi mempunyai kesuboran, padi jenis Tampoi yang di-tanam itu kini telah dapat di-nekmati hasil-nya oleh kita. Dan beras yang di-jual kapada kita itu yang berfungsi gred II sudah melebehi jumlah jualan-nya 900 guni dalam pasaran. Tidak lama lagi padi jenis Pandak atau Disubok gred I akan berada dalam pasaran.






BEKALAN beras yang di-impot dari Negeri Thai ketika di-punggah dari kapal di-Pelabohan Ayer Dalam Muara (atas) dan di-simpan untok bekalan yang menchukopi di-dalam gudang Jabatan Perbekalan dan Setor Negara (bawah).

JADUAL

| Tahun | Pembelian (di-impot) | Penjualan dalam negeri |
|---|---|---|
| 1976 | 10,000.00 tan metrik | 11,274.00 tan metrik |
| 1977 | 15,000.00 tan metrik (150,000 guni) | 12,316.60 tan metrik (123,166 guni) |
| 1978 | 15,000.00 tan metrik (150,000 guni) | 15,604.90 tan metrik (156,049 guni) |
| 1979 | 12,497.90 tan metrik (124,979 guni) | 15,786.50 tan metrik (157,867 guni) |
| 1980 | 14,991.90 tan metrik (149,919 guni) | 14,220.90 tan metrik (142,206 guni) |



# KEBERANGKATAN KE
# KA-JABATAN PENGAN





KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah di-alu2-kan oleh Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz; Y.B. Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abdul Rahman dan Pemangku Pengawal Pengangkutan Darat, Awang Haji Ahmad bin Haji Ibrahim (gambar atas). Sa-jurus sa-telah itu, Pemangku Pengawal Pengangkutan Darat itu memperkenalkan pegawai2-nya kapada Baginda Yang Dipertuan (atas kanan).

Gambar kanan kelihatan Baginda Yang Dipertuan mengikuti penerangan dari salah sa-orang pegawai pemereksa kenderaan. (Gambar kiri) Baginda Yang Dipertuan memerhatikan fail2 di-Bilek Failing, manakala gambar bawah kelihatan Baginda Yang Dipertuan ketika berada di-Bilek Operator dan Penyambut Tetamu.





PEMANGKU Pengawal Pengangkutan Da rangkan sa-suatu kapada YTM Paduka Se ngiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Bolkiah.





## MAJLIS TAKLIMAT

LIPUTAN: JAAFAR IBRAHIM

# PERHATIAN ORANG RAMAI TERHADAP SUSUNAN PENTADBIRAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menyatakan bahawa orang ramai di-negeri ini semakin memberi perhatian kapada sa-tiap perkembangan terbaru dalam pentadbiran negeri ini.

Perhatian mereka itu antara-nya termasok-lah perhatian kapada pertukaran jawatan2 sa-tengah2 pegawai2 kanan di-samping kenaikan pangkat sa-tengah2 yang lain.

Lebeh2 lagi, tegas beliau, orang ramai mendapat faham dari titah Kebawah DYMM baru2 ini yang mana Baginda telah menitahkan supaya pentadbiran kerajaan di-susun dan di-ator dengan penggunaan pegawai2 yang berkelulusan dan berkelayakan dalam jawatan2 yang sewajar-nya.

Beruchap ketika memberikan taklimat kapada 27 orang pendudok2 Mukim Lamunin dan Kiudang yang menyertai siri taklimat anjoran Bahagian Penerangan di-sini pada hari Sabtu lepas, Ketua Pegawai Penerangan itu seterus-nya berkata yang orang ramai memaalomi betapa penyusunan tersebut semata-mata bagi kepentingan negeri dan raayat serta segala isi di-dalam-nya.

### PERKEMBANGAN

Perhatian orang ramai itu jelas-nya, ada-lah serentak dengan harapan dan (expectations) yang mereka pertarohkan terhadap sa-tiap perkembangan dalam kerajaan.

"Pada umom-nya orang ramai mengharap dan menjangkakan bahawa dengan penggunaan tenaga2 yang berkelulusan dan berkelayakan itu jentera kerajaan akan lebeh berkesan, terutama di-bidang2 yang ada hubongan dengan orang ramai — ia-itu berkesan dalam makna memberikan khidmat yang chekap dengan bersunggoh-sunggoh serta perasaan muhibbah," ujar-nya.

Sa-lain daripada itu, tambah-nya, orang ramai juga menjangkakan bahawa sa-tiap pertukaran jawatan atau kenaikan pangkat itu akan membawa perubahan2 tertentu di-mana kerajaan semakin terlibat dalam meranchang dan melaksanakan projek2 kemajuan serta perkembangan negeri ini.

Walau bagaimana pun kata-nya, kita perlu sama menginsafi dengan sebaik-baik-nya satu perkara yang di-tegaskan oleh Kebawah DYMM sendiri ia-itu sunggoh pun negeri kita mempunyai kemampuan dari segi kewangan untok melaksanakan apa2 jua ranchangan yang di-fikirkan bermunafaat kapada raayat dan pendudok2 di-negeri tetapi negeri kita menghadapi kekurangan tenaga manusia yang berkemahiran untok mengerjakan sa-suatu yang berkehendakkan kemahiran itu.

### BERI JAMINAN

Dari segi ini-lah maka kata-nya lagi, Kebawah DYMM menyerukan raayat dan pendudok negeri ini akan bersabar di-samping itu Baginda sendiri memberi jaminan akan memberikan perhatian yang berat terhadap perlaksanaan sa-suatu yang Baginda fikirkan untok kebajikan raayat am-nya.

Dalam pada itu, jelas Awg. Haji Badaruddin, ada-lah sangat berpatutan orang ramai terutama-nya raayat terus menaroh harapan dan jangkaan2 berikutan penyusunan pentadbiran kerajaan dengan penggunaan tenaga2 yang berkelulusan dan berkelayakan itu.

Hal sa-demikian itu tambah beliau, ada-lah menandakan suatu peningkatan kesedaran raayat dalam hal ehwal bernegara dan berkerajaan.

"Apa yang di-harapkan ia-lah kesedaran mereka itu akan di-pergunakan sa-baik2-nya dan di-sertai dengan fahaman yang betul untok membantu kerajaan mengesankan lagi perkhidmatan-nya kapada raayat dan pendudok," kata-nya.




KETUA Pegawai Penerangan bergambar ramai dengan peserta yang mengikuti taklimat tersebut.

# Bidang pertanian: Pengalaman hendak-lah di-sertai dengan kemahuan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ada-lah menjadi chita2 dan hasrat Kerajaan Kebawah DYMM untok menjadikan negeri ini sa-bagai sa-buah negara di-mana masharakat tani-nya mempunyai keupayaan atau kemampuan untok mengeluarkan sa-bahagian besar permakanan yang kita perlukan.

Demi untok menchapai hasrat dan chita2 mulia itu, masharakat tani bukan sahaja memerlukan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang chukop dalam bertani bahkan yang penting-nya mereka hendak-lah mempunyai kehendak atau kemahuan untok bertani.

Demikian telah di-tegaskan oleh Doktor Morni bin Othman ketika beruchap di-majlis taklimat yang telah di-sertai oleh sa-ramai 27 orang pendudok2 Mukim Kiudang dan Lamunin anjoran Bahagian Penerangan Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-sini pada hari Sabtu lalu.

### TANGGONG-JAWAB

Jabatan Pertanian kata-nya, di-amanahkan oleh kerajaan memikul tanggong-jawab dan tugas2 tersebut, dengan memberi pendidekan dan latehan kapada masharakat tani di-samping membantu mereka dengan berbagai-bagai perkhidmatan pertanian agar memperolehi pengetahuan, pengalaman dan kemahiran bertani dan mempunyai kemahuan untok bertani.



Dr. Morni.

Menyentoh mengenai dengan peranan Jabatan Pertanian, Dr. Morni sa-lanjut-nya berkata bahawa Jabatan Pertanian ketika ini mempunyai lima bahagian utama yang masing-masing memainkan peranan tertentu-nya dalam perlaksanaan tugas dan tanggong-jawab jabatan ini.

Sa-tiap daerah di-negeri ini terdapat Bahagian Pengembangan yang punyai peranan yang langsong dan utama dalam usaha2 mendidek, melateh dan membantu masharakat tani di-negeri ini.

"Pegawai pengembangan menggunakan masa mereka untok meninjau dan bertanya akan masaalah2 ladang yang di-hadapi oleh peladang. Biasa-nya masaalah2 ladang yang kechil atau ringan akan di-selesaikan oleh pegawai2 tersebut di-situ juga tetapi masaalah berat akan di-bawa kapada pehak atasan untok di-selesaikan," ujar-nya.

Menurut-nya, antara masaalah2 yang sering di-hadapkan oleh peladang2

Lihat muka 12



SA-BAHAGIAN dari peserta2 yang mengikuti taklimat anjoran Bahagian Penerangan, di-bilek taklimat jabatan tersebut.

# Permohonan tanah TOL bertambah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai Tanah, Awang Alias bin Dato Mat Noor menegaskan bahawa bilangan permohonan tanah2 TOL di-Daerah Tutong hingga sa-takat ini hampir menchapai 3,000.

Ini bererti pada hitong panjang sa-tiap kelamin mempunyai sekurang2-nya sa-bidang tanah TOL kerana jumlah pendudok Daerah Tutong ia-lah kurang lebeh 25,000 orang.

Menegaskan demikian ketika beruchap memberikan taklimat kapada pendudok2 Mukim Kiudang dan Lamunin di-majlis taklimat anjoran Bahagian Penerangan di-sini pada hari Sabtu lalu, Awang Alias seterus-nya berkata, bilangan tersebut ada-lah sebanding dengan permohonan2 tanah TOL yang telah di-luluskan oleh Pejabat Tanah Tutong.

Menyentoh mengenai dengan tanah TOL yang tidak di-majukan oleh sa-bahagian kechil pendudok2 daerah berkenaan, Awang Alias berkata bahawa tindakan pembatalan tanah2 TOL saperti itu hanya akan di-jalankan apabila tapak2 tersebut di-pohonkan oleh orang ramai.

"Ini ia-lah kerana saya mahu menyelaraskan keadilan Undang2 Tanah dan TOL juga sepatut-nya membatalkan tanah2 persendirian yang mana tidak di-majukan sa-telah di-beri nasehat dan amaran oleh Pejabat Tanah," ujar-nya.

Lihat muka 12

MAJLIS TAKLIMAT

LIPUTAN: JAAFAR IBRAHIM

# KUASA PENGHULU BOLEH MENJALANKAN HUKOMAN



PENOLONG Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Sallehuddin (No. 2 dari kanan) ketika memberikan taklimat.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penolong Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Sallehuddin bin Pengiran Haji Mohd. Yusof menegaskan bahawa Penghulu ada-lah berkuasa pada memutuskan perkara2 pertikaian mengenai adat resam kaum atau puak di-mukim masing2. Dengan kuasa yang di-berikan kapada Penghulu2 dalam menyelesaikan masaalah sa-demikian mereka boleh menjatohkan hukoman yang bernilai tidak lebeh daripada $50.00.

Pengiran Sallehuddin menegaskan demikian kapada 27 orang pendudok2 Mukim Kiudang dan Lamunin yang telah menyertai taklimat anjoran Bahagian Penerangan di-sini pada hari Sabtu 12hb. Disember lepas.

MASAALAH2

Menurut-nya, dengan ada-nya penghulu2 serta Ketua2 Kampong maka dapat-lah pendudok kampong terutama sekali yang tinggal di-kampong2 pendalaman menyuarakan masaalah2 mereka kapada kerajaan melalui ketua2 kampong dan penghulu2 mukim masing2 terutama-nya sa-masa mashuarat bulanan dengan Pegawai Daerah.

Berhubong dengan kemudahan perhubongan bagi pendudok2 kampong, beliau selanjut-nya berkata, bahawa Jabatan Daerah Tutong kini telah membena 40 batang jalan-jalan kechil yang berjumlah sa-jauh 37 batu. Jalan2 tersebut, kata-nya, ada-lah sa-chara langsong di-bawah jagaan pejabat berkenaan dari segi pembenaan mahu pun pemeliharaan-nya.

JALAN KECHIL

Di-kawasan Mukim Kiudang dan Lamunin, jelas Penolong Pegawai Daerah itu, beberapa jalan2 kechil telah di-naikkan taraf-nya dengan di-buboh batu dan di-perbesarkan lagi, ia-itu saperti jalan2 kechil di-Kampong Kiudang, Munkom dan Bukit Barun.

Sa-bahagian daripada jalan2 kechil yang belum di-naikkan taraf-nya, Pengiran Sallehuddin itu memberi jaminan bahawa jalan2 tersebut akan sentiasa di-ambil perhatian dan akan di-usahakan dari sa-masa ka-semasa serta akan di-serahkan kapada JKR jika di-fikirkan perlu.

WAKIL KERAJAAN

Terdahulu dalam taklimat-nya, Pengiran Sallehuddin menjelaskan tentang peranan dan tanggong-jawab Pegawai Daerah yang merupakan ketua pentadbir di-daerah berkenaan dan menjadi wakil kapada Kerajaan DYMM bagi maksud 'memata-matai" kesejahteraan, keamanan dan keselamatan pendudok2 dan raayat di-daerah tersebut.

Pegawai Daerah juga, kata-nya, ada-lah bertanggong-jawab menjalankan dasar2 Kerajaan yang mana apabila satu2 perkara berbangkit yang berkaitan dengan sesuatu daerah, pegawai2 daerah-lah yang mula2 sekali di-hubongi.

"Atas jawatan-nya itu Pegawai Daerah ada-lah di-lantek menjadi ahli2 rasmi pehak berkuasa; saperti Pehak Berkuasa Yang Layak, Lembaga Melesen Minuman Keras, Majlis Keselamatan Jalan-raya, Lembaga Melesen Kayu Kayan dan lain2-nya," ujar-nya.

Di-dalam daerah pula, kata-nya lagi, Pegawai Daerah ia-lah Pengerusi Lembaga Bandaran, Pengerusi Majlis Keselamatan Daerah, Penolong Pengawal Harga dan menjadi penaong dan penasehat kapada beberapa pertubohan dan badan sukarela dan juga menjadi Majestrit Kelas Satu.

## Perbuatan merosakkan jentera2 JKR melambatkan projek membena j-raya

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jurutera Jalan-raya Kanan, Awang Nordin bin Mohd. Yusof mengingatkan orang ramai supaya akan sentiasa menjaga dan memelihara harta benda kerajaan termasok-lah jentera2 pembenaan jalan-raya kepunyaan JKR.

Beliau berkata demikian kerana beberapa kejadian jentera2 pembenaan jalan-raya telah di-rosakkan oleh mereka yang tidak bertanggong-jawab yang mengakibatkan terbengkalai-nya projek2 yang sedang di-laksanakan.

MENJEJASKAN

"Perbuatan2 dan sikap2 sa-demikian bukan sahaja tidak baik malah yang penting sekali ia-lah ia-nya telah menjejaskan kelancharan perlaksanaan projek2 kerajaan saperti pembenaan jalan-raya di-Mukim Kiudang yang mana jentera2 telah di-rosakkan," ujar-nya.

Awang Nordin berkata demikian ketika menjawab soalan yang di-ajukan oleh sa-orang peserta taklimat yang menanyakan tentang mengapa pembenaan jalan-raya selalu lambat hendak di-siapkan, di-majlis taklimat anjoran Pejabat Penerangan di-sini pada minggu lalu.

Menurut-nya, jika sikap sa-umpama ini akan berterusan, kerajaan, tegas-nya Jabatan Kerja Raya bahagian pembenaan jalan-raya akan mempunyai kesulitan dalam melaksanakan tugas2-nya.

Terdahulu dalam taklimat-nya, Awang Nordin telah menjelaskan tentang dua projek besar jalan-raya di-Mukim Lamunin dan Kiudang yang salah satu daripada-nya ia-lah jalan yang akan menghubongkan Kampong Tanjong Maya, Kuala Abang dan terus ka-Lamunin.

DI-BUBOH BATU

Pembenaan jalan-raya tersebut kata-nya, telah pun berjalan ia-itu bagi penimbokan tanah sa-jauh dua sa-tengah batu bertempat di-Kampong Tanjong Maya telah pun siap dan tidak lama lagi akan di-buboh dengan batu2.

Di-samping itu jelas-nya, kerajaan juga berchadang membena jalan-raya yang akan menghubongkan Kampong Rambai dengan Kampong Merimbun yang akan menyeberangi Sungai Tutong dengan membena sa-buah jambatan.

Menurut Awang Nordin, Jalan Lamunin yang dahulu-nya hanya merupakan jalan kechil itu, kini telah di-baiki dan di-perbesarkan pada awal tahun 1970 dan telah dapat menghubongkan kapada kampong2 pendalaman saperti Layong, Bukit Sulang dan beberapa kampong lain sekitar mukim berkenaan.

Sa-lain daripada itu, Jabatan Kerja Raya juga telah menaikkan taraf beberapa batang jalan kechil yang di-bena oleh Pejabat Daerah kapada jalan-raya, saperti jalan kechil Birau, Munkom, Bekiau dan Lamunin Utara di-Daerah Tutong. Jalan2 tersebut telah di-buboh batu dan pada masa ini ia-nya di-bawah jagaan dan pengawasan JKR untok pemeliharaan selanjut-nya, ujar Awang Nordin.

## Masaalah2 yang sering di-hadapkan

Dari muka 11

kapada pegawai2 pengembangan ia-lah berpuncha dari ketiadaan atau kekurangan bahan2 ladang dan juga kerana kedudokan ladang2 mereka yang jauh di-kawasan2 pendalaman atau pun kekurangan peruntokan kewangan.

BANTUAN2

Maka dalam hal ini, jelas-nya lagi, Jabatan Pertanian menghulorkan berbagai2 bantuan saperti jentera2 pembajak, biji2 beneh yang bermutu tinggi, baja, rachun rumput, rachun2 musoh dan penyakit tanaman, perkhidmatan yang berupa rawatan atau suntekan ayam, sapi dan kerbau, parit dan tali ayer di-sawah2 padi dan sa-bagai-nya.

Di-samping bantuan2 saperti ini, Jabatan Pertanian juga memberi nasehat2 yang berguna untok mengatasi sedikit sa-banyak masaalah2 peladang ini dengan harapan akan dapat menchapai matalamat2 yang di-tuju dan di-chita2kan.

"Perlu di-ingat bahawa tidak semua bantuan2 yang saya sebutkan tadi dapat di-laksanakan mengikut kehendak peladang. Ini di-sebabkan oleh perkara2 yang tidak dapat di-elakkan saperti masaalah2 teknikal, kekurangan peruntokan kewangan jabatan ini, bahan2 di-pesan lambat datang dan banyak lagi sebab2 yang tertentu," ujar beliau seterus-nya.

PENYELIDEKAN

Menurut Doktor Morni maklumat2 pertanian yang di-gunakan oleh bahagian pengembangan untok meninggikan taraf pengetahuan, pengalaman dan kemahiran para tani ada-lah hasil dari usaha2 penyelidekan yang di-jalankan semenjak bertahun-tahun di-steshen pertanian di-seluroh negeri oleh Bahagian Penyelidekan.

Bahagian ini, kata-nya, berpejabat di-Pusat Penyelidekan Pertanian Kilanas dan mempunyai enam buah chawangan penyelidekan ia-itu Chawangan Agronomi, Kaji Tanah, Kaji Musoh, Kaji Penyakit, Pemeliharaan Ternakan dan Kelinik Haiwan.

Kata-nya, bahagian penyelidekan ini mempunyai peranan2 yang tertentu dan usaha2 penyelidekan tersebut ada-lah berasaskan kapada masaalah2 yang di-hadapi oleh kehendak2 para peladang melalui bahagian pengembangan.

## Pemohonan2 TOL di-kendalikan oleh Pejabat Tanah

Dari muka 11

Dalam hubongan ini, beliau telah meminta kapada Penghulu2 dan Ketua2 Kampong dalam mengendalikan permohonan tanah TOL anak2 kampong supaya akan memahami erti kata menyokong, tidak menyokong, membenarkan dan tidak membenarkan di-mana menurut-nya perkataan ini ada-lah berkenaan dengan permohonan TOL.



Awang Alias

Menurut-nya lagi, orang2 yang di-beri kuasa untok membenarkan hanya-lah Pegawai Tanah yang sa-demikian permohonan2 TOL ada-lah di-kendalikan oleh Pejabat Tanah.

"Penghulu2 Mukim, Ketua2 Kampong serta ketua2 jabatan hanya-lah memberi pandangan samada menyokong atau sabalek-nya tetapi mereka tidak di-beri kuasa bagi membenarkan permohonan2 TOL tersebut," ujar-nya.

Pegawai Tanah, kata-nya lagi, akan membenarkan permohonan tersebut dengan mengambil indah pandangan2 berkenaan dalam ertikata lain Pegawai Tanah berhak memberi kebenaran mengeluarkan TOL kapada sa-siapa walau pun tanpa sokongan samada Penghulu2, Ketua2 Kampong atau ketua2 jabatan.

"Pegawai Tanah ada-lah berkuasa memberi kebenaran TOL tanpa meminta mana Penghulu2, Ketua2 Kampong dan jabatan2 berkenaan kerana ini tidak-lah bertentangan dengan Undang2 Tanah dan Peratoran TOL," kata beliau selanjut-nya.

Awang Alias seterus-nya menjelaskan bahawa Jabatan Daerah Tutong tidak mempunyai masaalah penting di-dalam tukar sharat tanah, pemechahan tanah, permohonan ayer dan letrik, permohonan jalan keluar masok serta permohonan menimbok, meratakan dan menggadai tanah.

Menurut beliau, dalam tukar sharat tanah bagi daerah berkenaan pada tahun 1978 hanya terdapat sembilan permohonan; tahun 1979, 23 permohonan; tahun 1980, 18 orang dan tahun ini hanya tujoh permohonan.

# AWAH D.Y.M.M.
# KUTAN DARAT





SA-TELAH mengikuti taklimat yang di-sembahkan oleh Pemangku Pengawal Pengangkutan Darat, Awang Haji Ahmad (gambar atas), Baginda dan rombongan di-junjong berangkat ka-berbagai-bagai bahagian jabatan tersebut. Gambar kiri kelihatan Baginda Yang Dipertuan mendengar penerangan sa-orang Pegawai Pemereksa yang kebetulan menjalankan ujian bertulis kod jalan raya di-Bilek Ujian.

Gambar bawah kanan pula kelihatan Baginda Yang Dipertuan mengikuti penerangan dari salah sa-orang pegawai jabatan tersebut sambil di-perhatikan oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.



GAMBAR atas kelihatan Pemangku Pengawal Pengangkutan Darat menerangkan sa-suatu kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengenai dengan tugas2 yang di-jalankan oleh kakitangan di-Bahagian Failing jabatan tersebut.

Di-samping menyaksikan tugas2 yang di-jalankan di-dalam pejabat, Baginda Yang Dipertuan juga di-junjong menyaksikan bagaimana pegawai2 jabatan tersebut menjalankan pemereksaan kenderaan sa-belum sa-sebuah kenderaan itu di-daftar dan di-beri lesen (gambar kiri). Sementara gambar kanan kelihatan Baginda Yang Dipertuan di-junjong berangkat ka-kawasan ujian memandu.





# KESTABILAN EKONOMI RAAYAT PATUT DI-KUKOHKAN

**Liputan Manaf HAR**

BANDAR SERI BEGAWAN.—Kestabilan ekonomi di-kalangan raayat dan bumiputera negeri ini patut-lah di-perkukohkan sa-laras dengan perkembangan dan kemajuan di-negara2 lain yang telah maju yang berdasarkan kapada kestabilan politik, ekonomi dan sosial mereka.

Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar, Pegawai Daerah Brunei dan Muara seterus-nya menekankan perkara tersebut penting memandangkan negara kita yang sedang berkembang dan membangun dalam menuju kemerdekaan-nya.

Kekukohan yang di-perlukan itu juga kata-nya amat bersesuaian dengan perhatian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Baginda Yang Dipertuan sendiri yang inginkan galakan di-berikan kapada pendudok2 di-kampong2 dan mukim2 negeri ini untok menjalankan perusahaan sendiri saperti membuka kedai2 runchit tanpa mendatangkan orang2 luar.

"Kerana kalau perusahaan kechil2an saperti kedai2 runchit tidak dapat di-usahakan oleh orang2 kita sendiri apa lagi perusahaan yang lebeh besar dari itu," ujar Dato Paduka Awang Haji Abdullah di-pembukaan rasmi Kursus Pengurusan Kerjasama anjoran Jabatan Kemajuan Kerjasama baru2 ini.



Dato Paduka Awang Haji Abdullah.

Untok menchapai kehendak2 itu jelas Dato Paduka Awang Haji Abdullah, memileki pengetahuan dan pengalaman yang luas pada sa-tiap pengurus, pekedai dan mereka yang bersangkutan amat-lah mustahak.

Untok maksud itu juga tambah-nya, kerajaan menerusi Jabatan Kemajuan Kerjasama telah berhasil melaksanakan kewajipan-nya bukan hanya sa-takat memberikan pinjaman berupa material malah meluaskan pengetahuan dan pengurusan juga di-berikan.

"Yang bertujuan bagi memberikan pengusaha2 tersebut pengetahuan bakal mereka membentok dan mentadbirkan perusahaan masing2 untok menchapai kemajuan yang lebeh baik atau membesarkan-nya lagi di-masa akan datang," jelas Dato Paduka Awg Haji Abdullah.

Menerusi usaha itu dan dengan ada-nya penglibatan raayat dan bumiputera di-bidang perniagaan, beliau penoh yakin jumlah orang2 asing yang di-anggap sa-bagai monopoli ekonomi negeri kita ini akan dapat di-kurangkan.

Bagaimanapun Dato Paduka Awang Haji Abdullah menekankan bahawa pengembangan sharikat2 kerjasama di-mukim2 dan kampong2 perlu-lah mendapat kerjasama yang erat dari penghulu2 dan ketua2 kampong demi menchapai kemajuan-nya.



BERGAMBAR ramai sa-telah perasmian penutop kursus bersama2 dengan Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama dan pensharah2 dari Maktab Kerjasama Malaysia.

### MUAFAKAT

"Kerana dengan ada-nya kerjasama sa-demikian ini-lah satu2 perkara atau masaalah akan dapat di-atasi atau di-selesaikan dengan berkat muafakat tersebut," jelas Dato Paduka Awang Haji Abdullah.

Turut beruchap di-majlis tersebut ia-lah Awang Mahmud bin Haji Bakyr, Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama yang menjelaskan bahawa sudah banyak terdapat penglibatan ketua2 kampong dalam kegiatan2 kerjasama samada menjadi ahli biasa atau pemimpin.

Sa-hingga ini jelas Awg Mahmud, sudah terdapat 64 buah sharikat kerjasama di-kampong2 di-tubohkan dan berdaftar sejak tahun 1976 dan chuma sa-buah saja yang tertuboh di-Kampong Ayer.

Ini berkemungkinan kata-nya, sa-bagai sifat-nya penubohan sa-sebuah sharikat kerjasama itu terdapat tidak ada unsor2 paksaan atau desakan, maka sambutan dingin untok tujuan itu belum menarek perhatian mereka.

Bagaimana pun, jelas-nya, jabatan beliau pada bila2 masa di-kehendaki bersedia memberikan penerangan2 berhubong dengan kegiatan2 ekonomi yang dapat di-salorkan melalui kegiatan kerjasama, untok itu jasa baik penghulu dan ketua kampong juga di-perlukan.



KELIHATAN Awang Rosman bin Haji Asmat, wakil dari Sharikat Kerjasama Kampong Sungai Buloh menerima sijil penyertaan dari Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama.

# Lebeh 60 orang ikuti kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai lebeh 60 orang peserta telah mengikuti Kursus Pengurusan Kerjasama bagi Daerah Brunei dan Muara.

Kursus yang berlangsong sa-lama lima hari dari 7hb. hingga 11hb. Disember itu ada-lah bertujuan untok memberi fahaman kapada peserta2 kursus mengenai konsep Gerakan Kerjasama serta peri mustahak-nya sa-sebuah kerjasama itu di-kendalikan menurut undang-undang atau peratoran2 dan perniagaan di-jalankan menurut kaedah2 urus-niaga yang betul.

Sa-banyak lima buah tajok telah di-bentangkan ia-itu Ilmu Kerjasama, Pengurusan, Undang2, Peratoran2 dan Tambahan Peratoran Simpan Kira dan Pengoditan serta Penilaian Kursus dan Perbinchangan.

Kursus2 di-keempat daerah itu telah di-kendalikan oleh dua orang Pensharah dari Maktab Kerjasama Malaysia. Mereka ia-lah Awang Razman bin Ramli, Pensharah Perakunan dan Pengurusan Kewangan dan Awang Mahmud bin Mohamed, Pensharah Undang2 Koperasi dan Pentadbiran Koperasi.

Kursus yang serupa juga telah di-adakan di-Daerah Temburong pada 16hb. hingga 20hb. Nobember, di-Daerah Belait dari 23hb. hingga 27hb. Nobember dan Daerah Tutong pada 30hb Nobember hingga 4hb Disember lepas. Kursus2 di-daerah tersebut telah di-hadhiri oleh lebeh kurang 40 orang peserta yang mewakili sharikat kerjasama di-daerah masing2.

# Adakan kursus dari masa ka-masa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Mahmud bin Haji Bakyr telah menutop rasmi Kursus Pengurusan Kerjasama bagi Daerah Brunei dan Muara yang telah berlangsong sa-lama lima hari, dari 7hb hingga 11hb Disember lepas.



Awang Mahmud Haji Bakyr

Dalam uchapan-nya beliau membentangkan serba sedikit hasil-hasil penilaian peserta2 kursus sa-panjang kursus pengurusan tersebut di-adakan di-keempat2 daerah di-negeri ini.

### BERPERENGKAT2

Antara lain beliau berkata bahawa Kursus Pengurusan Kerjasama patut di-adakan dari masa ka-semasa dengan bentok yang bersesuaian dengan latar-belakang peserta2 kursus am-nya ia-itu hendak-lah di-adakan sa-chara berperengkat samada dari perengkat rendah, menengah dan tertinggi.

Dalam pada itu juga kursus2 sengkat patut sering di-adakan yang mana ia-nya bertujuan untok menarek ahli2 untok menjadi pelanggan tetap pada sa-sebuah sharikat serta untok melibatkan mereka ka-pada semua kegiatan sharikat.

'Coperative Central Store' atau Pusat Pembekalan Kerjasama hendak-lah di-chepatkan perlaksanaan-nya untok mengatasi kesulitan pembekalan barangan yang di-hadapai oleh sharikat2 kerjasama pada masa ini, dan jika tiba masa-nya membolehkan penubohan 'Cooperative Union'.

### LAWATAN

Belaiu seterus-nya membentangkan bahawa pemimpin2 sharikat kerjasama hendak-lah di-beri peluang untok membuat lawatan sambil belajar ka-seberang laut ka-sharikat2 kerjasama yang sudah maju.

Sa-lain dari itu ada-lah satu langkah yang baik sa-kira-nya di-buat persediaan mendapatkan barisan 'pelapis' kepimpinan sharikat kerjasama ia-itu dengan chara menyalorkan-nya ka-sekolah2 dan melalui mass media saperti buku dan majallah untok di-berikan kapada orang ramai.

Beliau juga membentangkan perkara2 kechil yang di-hadapkan oleh peserta2 kursus saperti sharat harta kekal dalam sekim pinjaman kewangan LKE, masa kursus di-panjangkan kerana menurut peserta2 kursus masa kursus ada-lah terhad dan sengkat, pengkhususan subjek kursus, masaalah mendapatkan bangunan kedai bagi sharikat2 yang berdekatan dengan bandar, peningkatan penyeliaan serta bimbingan kapada ahli2 dan pekerja2 sharikat2 kerjasama.

"Apa jua kegiatan yang hendak di-buat hendak-lah jangan lari daripada prinsip2 dan falsafah dan di-sebalek sa-tiap kegiatan itu, kepentingan semua ahli hendak-lah di-ingat," tegas beliau.




# PELAJARAN 'A' JUARA BADMINTON ANTARA JABATAN2 KERAJAAN

GADONG. — Pasokan Jabatan Pelajaran 'A' telah munchol sa-bagai juara dalam perlawanan akhir badminton antara jabatan2 kerajaan sa-telah menewaskan Pasokan Pulis Diraja, juara tahun lalu dengan tiga permainan berbalas dua.

Dengan kemenangan itu pasokan Pelajaran 'A' (juara tahun 1978 dan 1979) telah berjaya merebut kembali oskar yang di-sumbangkan oleh Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat.

Sementara tempat ketiga dalam kejohanan pada tahun ini telah di-sandang oleh Pasokan Jabatan Kerahan Tenaga Awam, Askar Melayu Diraja Brunei.

Kejohanan yang di-jalankan sejak 22hb. Nobember lepas itu telah di-sertai oleh sa-ramai 24 buah pasokan yang mewakili dari 17 buah jabatan2 kerajaan di-daerah ini.

Jabatan2 Kerajaan yang turut mengambil bahagian itu termasok-lah Jabatan Kastam dan Eksais, Jabatan Pelajaran, Jabatan Kerja Raya, Radio dan Talivishen, Kenderaan Darat, Kerahan Tenaga Awam, AMDB, Kebajikan Belia dan Sokan, Pos, Letrik, Dewan Bahasa dan Pustaka serta Jabatan Odit.

Perlawanan itu di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-35 tahun.

Hadiah2 kapada pemenang telah di-sampaikan oleh Timbalan Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Umar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.

Hadhir sama menyaksikan perlawanan pada malam itu ia-lah Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Penolong Pengarah Pelajaran, Awg. Dennis bin Haji Roslee serta pegawai2 dari Jabatan Pelajaran dan Pulis Diraja Brunei.

## Lebeh 100 orang belia hadhiri Kuliah Ugama

KILANAS. — Lebeh daripada 100 orang pendudok Kampong Kilanas telah berhimpun di-masjid kampong berkenaan bagi mengikuti satu kuliah ugama belia di-sini pada hari Jumaat 4hb. Disember lepas.

Kuliah itu di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama belia2 dan pendudok2 kampong tersebut ada-lah semata-mata bertujuan untok menekankan kapada pembentokan peribadi belia Islam di-samping untok menghalusi bachaan dan perbuatan di-dalam menunaikan sembahyang lima waktu sa-hari samalam.

### TUJUAN KULIAH

Antara atorchara yang di-adakan di-majlis itu ia-lah uchapan alu2an dari pengerusi majlis selaku wakil pendudok2 kampong tersebut dan kemudian-nya di-ikuti dengan uchapan pengelola kuliah, Pengiran Haji Badaruddin bin Pengiran Haji Damit.

Dalam uchapan-nya yang rengkas, Pengiran Badaruddin telah menerangkan tentang tujuan kuliah tersebut ia-itu antara lain-nya pada membimbing dan memberikan pengetahuan yang sa-dalam2 kapada belia2 terutama dalam pengetahuan ugama Islam.

Ini, tambah-nya, ada-lah selaras dengan kehendak negara Brunei Darussalam yang ingin menjadikan Ugama Islam sa-bagai satu chara hidup yang lengkap lagi rapus di-negeri ini dalam kehidupan sa-hari2.

### SHARAHAN KHAS

Satu sharahan khas juga telah di-sampaikan oleh Pegawai Ugama Kanan, Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin yang telah mencheramahkan berhubong dengan chara2 mendekatkan diri kapada Allah s.w.t.

Sementara itu pada hari Jumaat 27hb. Nobember, satu majlis kuliah yang sama juga telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Dato Godam bagi pendudok2 Kampong Sungai Kedayan dan sekitar-nya. Sa-ramai 150 orang telah menghadhiri kuliah tersebut.



KULIAH Ugama Belia bagi pendudok2 Kampong Sungai Kedayan telah di-langsongkan di-Dewan Sekolah Melayu Dato Godam pada hari Jumaat 27hb Nobember lalu. Kelihatan dalam gambar Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, Pegawai Ugama Kanan (di-sebelah kanan sekali) yang telah menyampaikan cheramah khas di-kuliah tersebut.

## *Perlawanan chator antara kakitangan Perubatan*

KUALA BELAIT. — Kejohanan Chator perseorangan antara kakitangan Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan Daerah Belait telah di-langsongkan di-Dewan Rumah Sakit Suri Seri Begawan minggu lalu.

Awang Sapri bin Metussin telah munchol sa-bagai juara dengan mengalahkan Awang Bidin bin Haji Ali dalam perlawanan perengkat akhir. Sementara tempat ketiga jatoh kapada Awang Dollamit bin Samad, ke-empat ia-lah Awang Osman bin Tahir, kelima ia-lah Awang Chan Khay Woon dan tempat ke-enam jatoh kapada Awang David Roland Pulmb.

Kejohanan yang di-anjorkan sa-bagai projek tahunan jabatan tersebut ia-lah bagi merebut piala yang di-sumbangkan oleh Dato Doktor T. Panch, Pegawai Perubatan Daerah, Kuala Belait.

Menurut sa-orang juruchakap dari pehak penganjor ketika di-tanya baru2 ini menjelaskan bahawa tujuan di-adakan kejohanan itu ada-lah bagi menggalakkan para kakitangan jabatan berkenaan untok melibatkan diri sepenoh-nya dalam bidang permainan chator.

Di-samping itu kata-nya, ia-nya juga di-anjorkan bertujuan untok mengeratkan tali silatulrahim di-antara kakitangan jabatan berkenaan dan seterus-nya pada sama2 meninggikan mutu dan standard permainan chator di-negeri ini.

Menyentoh mengenai dengan kejohanan itu, juruchakap itu menambah bahawa sambutan daripada kakitangan ada-lah sangat menggalakkan di-mana sa-jumlah lebeh daripada 20 orang pemain telah menyertai kejohanan itu.

Kejohanan itu kata-nya lagi, ada-lah di-anjorkan sa-bagai salah satu achara sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-35 tahun.

## Chator remaja: Ak. Asrul rebut Piala Aziz

GADONG. — Perlawanan perengkat akhir bagi kejohanan Chator Remaja Piala Aziz di-bawah umor 20 tahun seluroh negeri telah berlangsong pada hari Jumaat 11hb. Disember lalu di-Bilek Persidangan Pusat Tingkatan Enam di-sini.

Sa-ramai 40 orang peserta telah mengambil bahagian dalam perlawanan tujoh pusingan pada hari itu.

Awangku Asrul Mohidi bin Pengiran Ja'afar telah menjadi johan sa-telah menewaskan 39 orang peserta dengan berjaya merebut hadiah rebutan yang di-sumbangkan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz.

Tempat kedua di-sandang oleh Awangku Abdullah Sani bin Pengiran Ja'afar dan ketiga di-menangi oleh Awang Isa bin Haji Mat Tahir.

Hadiah2 kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohd. Limbang selaku Yang Dipertua Persatuan Chator Kebangsaan Brunei.

## Pendaftaran masok Kelas Pelajaran Dewasa

TUTONG. — Pendaftaran bagi memasoki kelas Trengkas dan Menaip di-Sekolah Melayu Kiudang bagi tahun 1982 akan di-buka bermula pada hari Jumaat 20hb. Disember ini.

Mereka yang berminat untok memasoki kelas itu boleh-lah mendapatkan borang2 masok dari Penyelia Sekolah berkenaan pada tiap2 hari Jumaat dan Ahad dari jam 8.00 pagi hingga 3.00 petang.

Pendaftaran ini akan berakhir pada penghujong bulan ini.

Sementara itu, Sekolah Melayu Keriam juga sedang membuka pendaftaran bagi Kelas Urusan Rumahtangga yang mana pendaftaran ini akan di-adakan pada jam 2.00 petang tiap2 hari Jumaat dan Ahad.

Pendaftaran bagi kelas ini akan mula di-buka pada awal tahun 1982. Dan borang2 pendaftaran boleh di-dapati dari Awang Hussain bin Haji Hassan atau guru2 yang mengajar di-sekolah berkenaan.

## Perlawanan akhir b-sepak PGGMB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kejohanan perengkat akhir bolasepak antara guru2 daerah di-negeri ini di-jangka akan di-adakan pada hari Sabtu 19hb. Disember depan.

Demikian telah di-nyatakan oleh Awang Emran bin Haji Hassan, Penolong Penyusun Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran ketika di-temui oleh pehak Pelita Brunei baru2 ini.

Kejohanan ini, jelas Awg. Emran, di-anjorkan oleh Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), kali yang kedua dan ia-nya di-adakan sa-lama dua tahun berturut2 dengan tidak ada apa2 piala atau pun oskar untok di-rebutkan.

Walau bagaimana pun tambah Penolong Penyusun Latehan Jasmani itu, pehak penganjor khas-nya PGGMB di-tahun hadapan akan mengadakan piala rebutan ini memandangkan yang kejohanan saumpama ini sangat-lah menggalakkan dengan ada-nya penyertaan dari guru2 di-negeri ini.

Menurut Awang Emran, kejohanan pada tahun ini telah di-sertai oleh sa-ramai lima pasokan yang terdiri dari dua pasokan mewakili Daerah Brunei dan Muara dan tiap2 sa-buah pasokan bagi mewakili Daerah2 Tutong, Temburong dan Kuala Belait.

Perlawanan ini di-jalankan dalam sistem liga satu pusingan di-mana tiap2 pasokan akan bermain antara satu pasokan dengan pasokan yang lain dan dua buah pasokan yang mendudoki mata yang paling tinggi akan memasoki perengkat akhir.

Dalam perlawanan pada hari Rabu lepas Pasokan Guru2 Daerah Tutong telah mengalahkan pasokan Guru2 Daerah Brunei Muara I dengan jaringan tiga gol berbalas satu. Sementara dalam satu perlawanan lagi Pasokan Guru2 Daerah Brunei Muara II dan Pasokan Guru2 Daerah Belait telah seri dua sama.

Menyentoh mengenai dengan tujuan di-adakan perlawanan itu, Awang Emran seterus-nya berkata, tujuan PGGMB mengadakan-nya ada-lah di-hasratkan pada menggalakkan dan menarek minat guru2 di-negeri ini untok sama2 berkechimpong dalam bidang bolasepak.

"Permainan bolasepak ada-lah salah satu permainan yang sangat di-gemari di-dunia ini jika di-bandingkan dengan lain2 bidang sokan dan begitu juga di-negara kita permainan ini sangat popular dan pada keselurohan-nya semua orang meminati-nya," tegas Awang Emran itu lagi.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Tukang Kayu Tingkat II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai TUKANG KAYU TINGKAT II di-Jabatan Perikanan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor sekurang2-nya 20 tahun dan lulus darjah V Sekolah Melayu atau yang sebanding dengan-nya serta mahir dengan pekerja-an Tukang Kayu; atau

b) Pemohon2 yang tidak mempunyai kelayakan persekolahan tetapi boleh menulis dan membacha serta mempunyai pengalaman dan kechekapan sa-bagai Tukang Kayu akan juga di-pertimbangkan.

c) Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam hal pertukangan saperti berikut:—
   i) Boleh menyediakan rangka dan lukisan kerja2 pertukangan kayu.
   ii) Boleh membuat kerja2 pertukangan kayu dengan berpandukan lukisan2.
   iii) Mempunyai pengalaman dalam hal pertutukangan kayu dengan menggunakan perkakas kuasa letrik, merupakan satu kelebeban.

'Am

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untok di-tugaskan di-Muara.

**Tangga Gaji:**

F. 3-4 EB.5 — $430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb Januari, 1982.

(E/796/81)

(Bil: 231/1981)

## Sa-bagai Pekerja Kebajikan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang mempunyai kelayakan yang sesuai untok di-lantek sa-bagai PEKERJA KEBAJIKAN RUMAH SAKIT di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai Ijazah Sains Sosial.

b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam kerja2 sosial rumah sakit sekurang2-nya sa-lama dua tahun.

c) Pemohon2 mesti-lah boleh bertutor dalam Bahasa Melayu; pengetahuan Ugama Islam dan adat istiadat orang2 Melayu ada-lah suatu kelebehan.

d) Pemohon2 mesti-lah pandai memandu.

**Tangga Gaji:**

B. 2 EB. 3 — B$1975-2050-2125-2205 - 2285 - 2365-2445 - 2525-2610-2690 - 2775 - 2870 - 2965-3070 - 3175 - 3280 / EB/3350-3445-3540-3640. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan:**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb Januari, 1982.

(E/395/80 — Bil: 214/1981)

## Sa-bagai Juruteknik Ukor

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai JURUTEKNIK UKOR di-Yunit Photogrammetric, Jabatan Ukor, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.

b) Mesti-lah tamat Tingkatan V dan sebaik2-nya telah mendapat kelulusan Perengkat 'O' dalam Ilmu Hisab, Ilmu Alam atau satu mata-pelajaran Sains.

c) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan2 saperti di-(b) tetapi mempunyai pengalaman praktikal di-bidang Photogrammetry boleh juga di-pertimbangkan.

d) Mesti-lah dapat membokti-kan kechenderongan untok kerja2 ini dan mempunyai penglihatan 'stereoscopic'.

**Tugas2:**

Chalon2 yang berjaya di-kehendaki membuat tugas2 operator 'stereoscopic plotting machine' di-bawah arahan pegawai yang mengetuai Yunit Photogrammetric dan hendak-lah bersedia untok menjalani lateban lanjut di-seberang laut, sekira-nya di-perlukan.

**Tangga Gaji:**

D. 1-2 EB.3-4-5 — $425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655/EB/720-755-790-825 - 860-900 - 980 - 1010-1040 - 1070 - 1105-1140-1175 - 1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb Januari, 1982.

(E/1320/78)

(Bil: 232/1981)

## TENDER NOTICE

### KUALA BELAIT WATER SUPPLY — STAGE 3
### CONTRACT No. 13
### RAW WATER PUMPING PLANT

TENDERS are invited from suitably experienced firms for the supply, supervision of erection and commissioning of 3 No. vertical spindle river intake pumpsets at Badas Raw Water Pumping Station, including pipework, valves, motor starters, controls etc.

Tender documents are obtainable from the Consulting Engineers, Watson Hawksley Asia, at either of the following addresses:—

Room 40,
Hongkong Bank Chambers,
Bandar Seri Begawan.
Brunei.

OR

18th Floor,
Tunas Building,
Anson Road,
Singapore 0207.

Documents will only be issued to firms who have suitable experience in the supply and erection of pumping plant and ancillary equipment or to the authorised agents of such firms.

Applications for documents must be accompanied by a Tender Deposit in the form of a crossed cheque for B$1,000.00 payable to the Government of Brunei. The deposit will be refunded to all tenderers who submit bona fide tenders except the tenderer who is awarded the contract. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

Tenders are to be submitted to the Chairman of the Tenders Board, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon on Tuesday 2nd February, 1982.

## Sa-bagai Jurutera Ayer Kanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai JURUTERA AYER KANAN di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

**Kelayakan2:**

Menjadi ahli Institution of Civil Engineers dan, sebaik-nya, menjadi juga Ahli Institution of Water Engineers and Scientists.

**Pengalaman:**

Mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman dalam kerja2 bekalan ayer termasok pengalaman dari segi pengurusan, rekabentok dan pembenaan selain daripada mempunyai pengalaman dalam lain2 bidang kejuruteraan awam.

**Umor:**

35 hingga 50 tahun.

**Tangga Gaji:**

Kumpolan 4 — B$4,320.00 sa-bulan.

**Sharat2 Lantekan:**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Disember, 1981.

(E/359/81)

(Bil: 195/1981)

## Opereter Penapis dan Tukang Letrik

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Askar Melayu Diraja Brunei.

1. OPERETER PENAPIS:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 yang berumor antara 18 hingga 30 tahun, mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III dan mempunyai Sijil Penyelamat yang di-iktiraf. Keutamaan akan di-beri kapada cholan2 yang mempunyai pengetahuan tentang chara2 menggunakan alat2 penapis ayer. Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untok bekerja di-luar masa bekerja biasa bagi pegawai2 Kerajaan. Selain dari itu mereka di-kehendaki menjalankan tugas sa-bagai Penyelamat.

**Tangga Gaji:**

D. 1 EB. 2 — $425-440-455-470-485-500/EB/515-535-555-580-605-630-655.

2. TRADESMAN (TUKANG LETRIK):

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Chalon2 hendak-lah tamat mengikut sa-suatu kursus juruletrik yang di-akui di-sa-sebuah sekolah pertukangan. Mempunyai pengalaman melenggara dan membaiki alat2 letrik yang di-gunakan di-rumah dan alat2 letrik yang lain.

**Tangga Gaji:**

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 13hb Januari, 1982.

(E/1831/66—Bil: 226/1981)

## TENDER NOTICE

### BANDAR SERI BEGAWAN WATER SUPPLY — STAGE III
### CONTRACT No. 29
### REHABILITATION OF TASEK WATER TREATMENT WORKS

TENDERS are invited from PWD registered Class A civil engineering Contractors for the rehabilitation of Tasek Water Treatment Works, in Jalan Tasek, Bandar Seri Begawan. The work, mainly in and around the existing old filter house, includes minor structural modifications, new roofing, new floor and wall finishes, painting, supply and erection of chemical tanks, pumps and other plant, pipe-laying and cable duct laying. The work is required to be completed in a contract period of about 6 months.

Tender documents are obtainable from the Consulting Engineers,

Watson Hawksley Asia
Room 40, Hongkong Bank Chambers
Bandar Seri Begawan
Brunei

Applications for documents must be accompanied by a Tender Deposit in the form of a crossed cheque for B$1,000 payable to Government of Brunei. The deposit will be refunded to every tenderer who submits a bona-fide but unsuccessful tender, but not to the successful tenderer.

Tenders are to be submitted to the Chairman of the Tenders Board not later than 12.00 noon on Monday, 15th February 1982.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Brunei registered contractors of Class AX and above up to 12.00 noon on 29th December, 1981 for the Construction and Completion of an Extension to the Mentri Besar's Residence at Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan, Brunei.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders must be submitted in apalin sealed envelope without any indication on the cover of the identity of the tendering Contractor and must be addressed to the Chairman, Tenders Board and marked:

PROPOSED EXTENSION TO THE MENTRI BESAR'S RESIDENCE AT JALAN GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

4. Tender documents may be inspected and obtained from tre Architects:

Design Group Partnership
304, Seri Shopping Complex,
Miel 1¼, Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

from Wednesday, 16th December, 1981.

5. The tender deposit will be $1,000.00 (Brunei Dollars One Thousand Only) which will be refunded ni full to each unsuccessful Tenderer who submits a bona fide tender.

6. Before being provided with tender documents, tenderers will be required to prove that they are registered Contractors of Class AX and above with the Public Works Department, Brunei.

7. The Government of Brunei is not bound to accept the olwest or any tender.

## TENDER NOTICE

### ARMY WORK, PENANJONG CANTONMENT WARRANT OFFICERS AND SERGEANTS MESS 2.

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei, from P.W.D. Registered Class "A" contractors, for the construction and completion of the above-noted works up to 12.00 noon on Tuesday 12th January 1982.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and the said envelopes be marked clearly "TENDER FOR ARMY WORK PENANJONG CANTONMENT, WARRANT OFFICERS AND SERGEANTS MESS 2".

4. Bills of Quantities may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, Brunei from Wednesday 16th December 1981, during normal office hours.

5. The Tender Deposit will be $5,000.00 and will be refundable to each unsuccessful tenderers, but forfeited by any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.

The amount shall be in Bank Draft or cheque payable to the Government of Brunei.

6. Prior to the submission of the tender, each tenderer will be required to:—
   1) Produce documentary evidence that he is P.W.D. Registered Class "A" Contractor.
   2) Produce documentary evidence that he has complied with the latest Government requirement in respect of the Financial Guarantee.
   3) Produce a letter from his Bank (the said Bank being a well-known and stable Bank) stating in the event of his tender being accepted, the said Bank would be willing to furnish him with a Banker's Guarantee in accordance with the conditions of Contract. This should be attached to the Tender Document.

7. Tenders shall be submitted only on the Forms of Tender Provide.

8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any Tender.

## TENDER NOTICE

### DEPARTMENT OF AGRICULTURE BRUNEI

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei for:

PROVISION OF CATERING AND DOMESTIC SERVICES TO THE SINAUT AGRICULTURAL TRAINING CENTRE, MILE 21, JALAN TUTONG, BRUNEI FOR 1982.

2. Specification may be obtained from and facilities viewed by contacting the Principal, Sinaut Agricultural Training Centre.

3. Tenders shou ld be submitted in a plain sealed envelope clearly marked:—

"TENDER FOR SATC CATERING — DEPT OF AGRICULTURE"

and shall be addressed to and delivered to the office of:—

The Chairman,
Tenders Board,
State Financial Office,
Secretariat Building,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

not later than 12.00 noon on Tuesday 31st December, 1981.

4. Tenders received after this time will be rejected.

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Kurikulum sekolah rendah lari dari tujuan asal-nya:

# UTAMAKAN KEMAHIRAN DALAM BIDANG 3M

**Oleh: Jahri Haji Abdul Latif**

GADONG. — Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat menyeru pensharah2 Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah terutama pensharah-pensharah tempatan yang mendapat pendidekan di-seberang laut supaya jangan mengamalkan chara-chara dan kaedah2 yang bulat2 di-import dari luar negeri.

"Sebaik2-nya falsafah2, nilai2 dan pendapat2 yang di-jadikan dasar pendidekan di-maktab ini hendaklah bersesuaian dengan keadaan (invironment) dan keperluan negeri kita ini," tegas Pengarah Pelajaran itu.

Menekankan seruan-nya di-Jubli Perak ke-25 dan Majlis Konvokeshen ka-IX Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah pada hari Sabtu lepas, beliau menyarankan supaya pensharah2 perlu membuat kajian2 yang berhubong dengan era2 yang di-ajarkan saperti mengkaji kaedah2 yang lebeh sesuai untok mengajar satu2 mata pelajaran, sebab musebab mata2 pelajaran kurang di-minati atau kajian yang ada kaitan dengan pendidekan dan masharakat sekitar-nya.

### MENUBOHKAN

Memandang penting-nya itu, kata-nya, Jabatan Pelajaran telah menubohkan Pusat Perkembangan Kurikulum pada tahun 1978 yang berfungsi antara lain: menyelidek, mengkaji, menyemak, menasehat, menggerak perubahan2 baharu dalam perkembangan kurikulum am-nya dan sukatan pelajaran khusus-nya.

Bagaimana pun, oleh kerana kekurangan kepakaran dalam bidang ini, kurikulum yang terdapat di-sekolah2 rendah telah lari daripada pendidekan asas kapada pendidekan umom.

Ini, menurut-nya, di-sebabkan kurikulum di-sekolah2 rendah terlalu memberatkan sifat akademik dan memberi pengetahuan. Sedangkan pendidekan asas, kata Pengarah Pelajaran itu, kurikulum-nya menitekberatkan dan pengasasan kapada pendidekan kemahiran dalam bidang 3M, iaitu membacha, menulis dan mengira.

Maka untok mengatasi masaalah tersebut, Jabatan Pelajaran telah membuat landasan baru untok menegaskan kembali supaya pendidekan di-perengkat rendah berchorak pendidekan asas dengan memberikan penegasan kapada kemahiran dalam bidang 3M itu.

"Kurikulum itu di-berikan dari segi jenis kemahiran yang di-perlukan dan bukan-nya dari segi kepentingan tiap2 satu mata pelajaran," kata Pengarah Pelajaran sa-terus-nya.

Dalam pada itu, beliau juga mengingatkan kapada guru-guru yang baru lulus dari maktab itu bahawa kejayaan mereka dalam mengikuti kursus di-maktab ini belum bererti usaha2 mereka sudah selesai atau ilmu mereka sudah chukop.

"Segala usaha, ilmu dan kelulusan yang chegu2 perolehi itu ada-lah merupakan satu tapak permulaan bagi chegu2 untok terus berusaha dan berilmu," nasehat-nya.

Kalau dalam latehan, kata-nya masharakat belum berupaya mengukor kebolehan mereka, maka sekarang mereka akan di-perhati dan di-ukor oleh ibu-bapa dan masharakat di-mana mereka menjalankan tugas.

### BERSEDIA

Berhubong dengan masaalah ini, Dato Haji Ahmad bertanya, "Ada-kah chegu2 sudah bersedia dan dapat menjalankan tugas dan peranan sa-bagai pendidek yang terlateh dan pendidek yang professional dengan mempunyai bakat sa-bagai pendidek, memileki ilmu dan kemahiran yang boleh chegu2 ajarkan kapada murid2 dan ada-kah chegu2 boleh menyesuaikan dan memahami nilai2 masharakat di-tempat2 chegu2 mengajar?"

Sa-bagai sa-orang ahli masharakat dan pegawai kerajaan, kata-nya, guru2 tidak dapat lari dari chabaran, dan memenohi 'expectations' daripada masharakat sa-keliling dan orang ramai.

Pada teori-nya 'expectations' daripada semua pehak itu, kata Pengarah Pelajaran memang sentiasa baik dan mesti berhasil, dan tidak pupus-nya 'expectations' tersebut guru2 mesti-lah dapat berusaha dengan gigih, dedikasi dan bertanggong-jawab demi menjaga imej baik profession guru dan perguruan itu. Kerana, "ia-nya menghendaki semangat bekerja, tenaga dan chekal hati," tegas-nya.

Menurut beliau lagi, tugas guru2 ada-lah sa-bagai pelaksana dasar pendidekan negeri, membentok perkembangan jenerasi yang akan datang dengan keadaan yang sa-imbang dan menyeluroh.

Oleh kerana itu, beliau mengingatkan guru2 supaya mengimbangi pembangunan fizikal dan material di-kalangan murid2 dengan pembangunan kerohanian dengan jalan memberikan pendidekan akhlak dan menggalakkan pemikiran yang terbuka dan positif, sifat2 keberanian, kejujoran, keikhlasan dan toleransi sa-harus-nya di-tanamkan dan di-amalkan bagi menghasilkan kehidupan yang lebeh harmoni.

# SPEAKER BAHARU



Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah berkenan melantek Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Hj. Mohd. Yassin sa-bagai Speaker baharu Majlis Mashuarat Negeri bagi menggantikan Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar yang tamat tempoh lantekan-nya sa-bagai Speaker pada 15hb. Disember, 1981.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara telah menjadi Speaker Majlis Mashuarat Negeri sa-lama tujoh tahun.

## Lantekan Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai lima orang telah di-perkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia untok menjadi Ahli Majlis Mashuarat Negeri mulai 15hb. Disember, 1981. Sa-orang di-lantek sa-bagai Ahli Rasmi dan empat yang lain-nya di-lantek sa-bagai ahli yang di-lantek.

Ahli rasmi yang baharu di-lantek itu ia-lah Pengarah Kerja Raya, Y.B. Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit.



Y.B. Pengiran Ismail

Ahli2 yang di-lantek ia-lah Y.B. Pehin Datu Pekerma Dewa Awang Haji Abd Rahim bin Akim dari Daerah Temburong; Y.B. Pengiran Dato Paduka Hj. Abd. Rahman bin Pengiran Haji Abd Rahim dari Daerah Brunei-Muara; Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Hj. Mohd. Salleh bin Haji Masri juga dari Daerah Brunei-Muara dan Y.B. Orang Kaya Pekerma Indera Awang Haji Jili bin Ibrahim dari Daerah Tutong.

Sementara itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menamatkan lantekan tiga orang Ahli Majlis Mashuarat Negeri mulai dari tarikh yang sama.

Mereka ia-lah Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Laila Jasa Awang Lukan bin Uking, Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Mohd. Sapiuddin dan Awang Chong Seng Toh.

# *Harapan raayat tidak di-sia2kan*

Dari muka 1

tanggong oleh murid2 yang akan mewarisi kita di-masa hadapan," nasehat-nya kapada guru2.

Walau macham mana pun, Yang Teramat Berhormat mempunyai sapenoh keyakinan bahawa maktab yang sudah established ini, yang di-kendalikan pada keselurohan-nya oleh anak2 tempatan tidak akan mensia2kan harapan raayat dan kerajaan bagi melahirkan guru2 yang bertanggong-jawab, berdedikasi serta mempunyai qualiti peribadi yang tinggi.

Mengenai dengan harapan kerajaan itu, Yang Teramat Berhormat mengulangi lagi uchapan-nya di-majlis perasmian Expo maktab ini bulan Disember 1979 yang lalu, bahawa kata-nya:

"Negeri Brunei, yang akan melangkah dan memasoki kasatu zaman yang penoh dengan chabaran tidak berapa lama lagi, ada-lah menaroh harapan yang besar kapada guru2, khusus-nya pensharah2 dan bakal2 guru. "Kerana kejayaan Negeri Brunei menghadapi chabaran2 itu nanti, ada-lah sa-bahagian nya tergantong kapada chara2 kita mendidek anak2 kita di-negeri ini supaya mereka akan menjadi raayat terpelajar lagi bertanggong-jawab, raayat yang berdisiplin lagi taat setia kapada Sultan dan negara, dan raayat yang ingin hidup dalam suasana yang maamor dan tenteram."

Menyentoh dengan keramaian pendudok negeri ini jika di-bandingkan dengan 400 orang anak2 tempatan yang berkelulusan ijazah, Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom menegaskan bahawa kita mempunyai nisbah graduate yang dapat di-banggakan dengan pendudok yang kechil.

Kemajuan ini, kata-nya, telah dapat di-chapai dengan kemurahan hati kerajaan Kebawah DYMM dalam memberikan pelajaran perchuma dari perengkat rendah hingga ka-perengkat universiti kapada raayat yang berkebolehan.

"Ini ada-lah sa-bahagian-nya juga di-asaskan atas keperchayaan bahawa 'asset' yang paling berharga dan utama bagi sa-sebuah negeri bukan saja kekayaan sumber2 asli-nya, tetapi juga tenaga manusia yang berpengetahuan tinggi," tegas Yang Teramat Berhormat lagi.

### LEBEH RAMAI

Dengan tahap perkembangan yang sedang kita nekmati ini, Yang Teramat Berhormat menaroh keperchayaan bahawa lebeh ramai lagi tenaga manusia yang berpengalaman dan berkemahiran dalam berbagai lapangan akan dapat di-lahirkan oleh negeri ini.

Melihat dari kenyataan tersebut tidak-lah pula mustahil bahawa suatu masa nanti, menurut-nya, Negeri Brunei akan mampu pula mengeluarkan tenaga berkemahiran bukan sahaja untok memenohi kehendak2 negeri ini, tetapi juga untok negara2 di-rantau ini terutama negara2 jiran tetangga kita dalam gugusan pulau2 Melayu ini.

"Jika di-takdirkan berlaku sa-demikian rupa, maka kita di-Brunei mungkin tidak akan menganggap keadaan itu sa-bagai 'brain drain', malahan sa-balek-nya kita harus melihat-nya sa-bagai 'brain export' yang akan melambangkan nama baik negara kita Brunei Darussalam di-rantau ini, insha Allah," ujar Yang Teramat Berhormat.

## Malam pementasan drama

KUALA BELAIT. — Satu Malam Pementasan Drama anjoran BENGKEL DRAMA Persatuan Pembela Kuala Belait, akan di-adakan pada malam Sabtu 19hb. Disember, 1981, di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait, bermula jam 7.30 malam.

Achara kemunchak pada malam itu nanti ia-lah sabuah Drama Pentas sa-babak yang berbentok purba. Achara-achara lain termasok-lah persembahan hiboran dari penyanyi2 tempatan serta beberapa tarian kebudayaan.

Majlis Malam Pementasan Drama itu nanti di-jangka akan di-rasmikan oleh Penolong Pegawai Daerah Belait Awang Kassim bin Haji Johan.

Tiket2 masok berharga $5.00, $3.00 dan $1.00 akan di-kenakan dan boleh di-dapati dari ahli2 Bengkel Drama Persatuan Pembela. Ada pun tujuan utama majlis itu di-adakan ia-itu sa-lain untok kutipan tabong Bengkel Drama, sebahagian daripada-nya juga akan di-dermakan kapada Tabong Orang2 Chachat Negeri Brunei.

## RBA adakan penerbangan ka-K.L.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sharikat Penerbangan Diraja Brunei telah memulakan perkhidmatan-nya ka-Kuala Lumpur pada hari Sabtu minggu lalu. Perkhidmatan dua kali sa-minggu itu di-adakan pada tiap2 hari Rabu dan Sabtu. Ini ada-lah tempat yang ketujoh yang termasok dalam jadual penerbangan Diraja Brunei.

Penerbangan pada tiap2 hari Rabu dan Sabtu itu akan meninggalkan Brunei pada pukol 5.30 petang dan tiba di-Kuala Lumpur jam 7.15 malam. Penerbangan itu akan meninggalkan Kuala Lumpur pada pukol 8.00 malam dan tiba di-Brunei jam 10.45 malam. Semua waktu tersebut ada-lah waktu tempatan.

Tambang bagi kelas pertama (satu hala sahaja) ialah $502.00 dan bagi kelas ekonomi ia-lah $354.00.

Diraja Brunei juga memberikan dua jenis tambang untok melanchong. Tambang pergi dan balek untok sa-lama sabulan ia-lah $566.00 dan tambang bagi melanchong sa-lama empat atau lima hari ia-lah $460.00.

## Lawatan Konsul2 Agong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang diplomat asing tiba pada hari Isnin lalu untok lawatan rasmi ka-sini.

Konsul Agong Switzerland bagi Brunei, Awang O. Gritti dan Puan Gritti akan berada di-sini sa-lama sa-minggu. Sementara Konsul Agong Itali bagi Brunei, Awang Luigi Durante bertolak meninggalkan Brunei pada hari ini.

Sa-masa berada di-sini kedua2 orang diplomat itu telah mengadakan perjumpaan dengan Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson, Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah DYMM, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa, YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Haji Abdul Aziz, YB Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abd. Rahman dan beberapa orang pegawai kanan kerajaan.

## Siaran langsong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Radio Talivishen Brunei akan menyiarkan sa-chara langsong Istiadat Pembukaan Rasmi Mashuarat Pertama (Belanjawan) dari Musim Permashuaratan ke-19 Majlis Mashuarat Negeri pada hari Isnin 21hb Disember, 1981.

Istiadat tersebut akan di-adakan di-Dewan Majlis Mashuarat mulai jam 8.15 pagi.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.